

BAB 3

BAB 3: PENSTRUKTURAN SEMULA TEKS *GHĀYAT AL-MARĀM* DAN RINGKASAN

Bab ketiga ini merupakan penstruktur semula dan ringkasan terhadap teks *Għayat al-Marām*.

3.1 MAKSUD HAJI DAN ‘UMRAH

Haji merupakan salah satu rukun Islam. Ia adalah wajib ke atas orang-orang Islam yang berakal, baligh dan berkuasa mengerjakannya sekali seumur hidup. Maksud haji dan ‘umrah ialah pergi ke *bayt Allāh* untuk mengerjakan beberapa perbuatan yang tertentu pada masa-masa tertentu.

3.2 MARTABAT HAJI

Martabat bererti peringkat atau susunan. Haji terbahagi kepada empat martabat iaitu:-

3.2.1 Martabat *Sah Muflaq*

Islam ialah syarat sah haji. Haji yang dilakukan kanak-kanak adalah sah. Seseorang wali yang mengurus harta orang yang di bawah pengurusannya harus mengijrāmkan orang yang di bawah

pengurusannya itu seperti kanak-kanan untuk menunaikan haji. Justeru, wali wajib mengerjakan bagi pihaknya perkara-perkara yang dituntut sebagai seorang *beriḥrām* haji, iaitu membawanya ke semua tempat ibadat haji. Sekiranya kanak-kanak itu tidak berupaya mengerjakannya, wali akan menjadi pengganti dengan syarat melakukannya selepas dia mengerjakan haji untuk diri sendiri terlebih dahulu.

3.2.2 Martabat *Sah Mubāsyarah*

Maksud *sah mubāsyarah* ialah sah dengan sendirinya. Ia boleh berlaku dengan dua syarat iaitu Islam dan *tamyiz*. Haji yang dikerjakan oleh kanak-kanak Islam yang mumayyiz adalah sah sekiranya diizinkan oleh walinya.

3.2.3 Martabat Menjadi Fardu Islam

Martabat menjadi fardu Islam bermaksud haji menjadi fardu ke atas individu yang mempunyai syarat-syarat berikut iaitu Islam, *tam�iz*, berakal, baligh dan merdeka. Oleh itu, haji yang dilakukan orang fakir adalah sah kerana ia adalah fardu ke atasnya.

3.2.4 Martabat Wajib Haji

Syarat-syaratnya ialah Islam, *tam�iz*, berakal, baligh, merdeka dan berkuasa menunaikannya.

3.3 MAKSUD BERKUASA

Maksud berkuasa ialah mempunyai cukup perbelanjaan, bekalan dan kenderaan untuk pergi dan balik ke Makkah. Orang yang berkuasa terbahagi kepada dua iaitu:-

3.3.1 Berkuasa Dengan Sendirinya

Iaitu orang yang memenuhi syarat-syarat berikut:-

3.3.1(a) Mempunyai bekalan dan perbelanjaan pergi dan balik mengikut kesesuaian semasa. Perbelanjaan ini termasuk juga perbelanjaan dan pakaian orang-orang yang di bawah tanggungannya selama peninggalannya sehingga ia kembali, setelah selesai mengerjakan haji.¹

3.3.1(b) Keamanan pada diri, anggota, harta dan kehormatannya dalam perjalanan pergi dan balik. Maksud aman adalah umum. Sekiranya keselamatannya, isteri atau hartanya tidak terjamin seperti ditakuti ancaman binatang buas, musuh atau perompak dan tiada jalan lain yang selamat, maka tidak wajib haji ke atasnya kerana telah timbul kemudaratan ke atas dirinya. Namun demikian, sekiranya ancaman tersebut boleh diatasi dengan mengadakan kawalan, mengikut pendapat yang terpilih, ia wajib

¹ Lihat al-Nawawi (1985), *op. cit.*, j. 3, h. 9.

mengupah pengawal untuk menjamin keselamatannya jika dia mampu berbuat demikian.²

3.3.1(c) Sekiranya ia seorang perempuan, ia hendaklah ditemani oleh suami atau *maḥramnya*.³ Sekiranya ia seorang yang buta, hendaklah ada orang yang memimpinnya walau dengan memberi upah.

3.3.1(d) Kenderaan yang ditungganginya tidak memudaratkan.

3.3.1(e) Mempunyai masa yang mencukupi untuk pergi ke Makkah. Sekiranya kesuntukan masa, seperti perjalanan yang sepatutnya dua hari dipendekkan menjadi satu hari, maka tidak diwajibkan lagi.

3.3.1(f) Sihat tubuh badan. Al-Ṭabarī⁴ di dalam tafsirnya mentafsirkan maksud *al-sabīl* dengan makna kesihatan, sebagaimana yang dinyatakan oleh ‘Ikrimah - maulā Ibn ‘Abbās - ketika mentafsirkan ayat 97 Surah Āli ‘Imrān: "وَلِلّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا..." "Al-sabīl bermaksud *al-sihħah*. Apabila seseorang itu sakit berat dan

² Lihat Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 3, h. 31.

³ *Maḥram* bagi seseorang perempuan ialah kerabat yang tidak harus menikahinya seperti bapa, anak dan bapa saudara. Lihat Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, h. 847.

⁴ Lihat Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1968), *Tafsīr al-Ṭabarī* j. 4, c. 3. Kaherah: Muṣṭafā al-Halabī, h. 18.

menghadapi kesukaran yang amat menyulitkan, maka tidak wajib haji ke atasnya. Mengikut riwayat Abū Umāmah r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

"مَنْ لَمْ يَمْتَعِهِ مِنَ الْحَجَّ حَاجَةً ظَاهِرَةً أَوْ مَرَضٌ حَابِسٌ أَوْ سُلْطَانٌ"

حَاجَةٌ فَلِمْتُ إِنْ شَاءَ يَهُودِيًّا أَوْ نَصْرَانِيًّا.⁵"

Maksudnya: "Sesiapa yang tidak dihalang dari menunaikan haji oleh sesuatu keperluan yang nyata atau penyakit yang menyebabkan dia terkurung atau sultan yang zalim, apabila dia meninggal, maka menjadi Yahudi atau Nasrani."

3.3.2 Berkuasa Mengerjakan Haji Dengan Orang Lain

Berkuasa mengerjakan haji dengan orang lain terbahagi kepada dua bahagian:-

- 3.3.2(a) Orang yang tidak berupaya mengerjakan haji dengan sendiri seperti tidak boleh menaiki kenderaan, terlalu tua atau masih muda tetapi sakit yang tiada harapan sembuh, disyaratkan ia mampu mengupah orang lain untuk mengerjakan haji bagi dirinya atau ada orang yang hendak mengerjakan haji bagi dirinya tanpa upah. Adalah sah haji yang dikerjakan oleh orang lain untuknya dengan syarat

⁵ Lihat al-Nawawi, (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 45.

terlebih dahulu mendapat keizinan daripadanya. Hal ini berbeza dengan kes orang yang telah mati. Adalah tidak perlu meminta izin daripadanya sebab dia sudah mati dan tidak perlu meminta izin daripada warisnya.

3.3.2(b) Orang yang sudah meninggal dunia yang ada fardu haji pada *dhimmahnya* semasa hidup. Hendaklah diupahkan orang supaya mengerjakan haji untuknya. Sekiranya mempunyai harta pusaka, upah hendaklah diambil daripada harta tersebut atau ada orang yang sanggup mengerjakan haji bagi dirinya tanpa upah. Harus dikerjakan haji bagi orang yang telah meninggal dunia walaupun tidak diwasiatkan. Orang yang mengerjakan haji untuk orang lain itu hendaklah ber*ihrām* di *mīqāt* orang yang dihajikan, bukan *mīqāt* dirinya.

3.4 *MĪQĀT*

Haji dan ‘umrah mempunyai dua *mīqāt* iaitu *mīqāt zamānī* dan *mīqāt makānī*. *Mīqāt zamānī* bermula dari awal Syawal hingga malam kesepuluh Dhū al-Hijjah. Apabila seseorang itu ber*ihrām* pada masa itu di mana sahaja dia berada sekalipun ia tidak sempat pada kebiasaannya sampai ke Makkah, maka *ihrāmnya* itu dianggap sebagai *ihrām* haji. Manakala *mīqāt*

zamāni ‘umrah pula adalah sepanjang tahun. Seseorang itu sah beriḥrām ‘umrah pada bila-bila masa melainkan ketika ia sedang mengerjakan haji. Sekiranya ia telah bertaḥallul awwal, tidak sah beriḥrām ‘umrah ketika itu.

Miqāt makāni (tempat) bagi orang yang mengerjakan haji dan ‘umrah adalah seperti berikut:-

3.4.1 Orang di luar Makkah:

3.4.1(a) *Miqāt* orang yang datang dari Yaman melalui jalan laut ialah Yalamlam atau Juddah.

3.4.1(b) *Miqāt* orang yang datang dari Yaman melalui jalan darat atau dari Hijāz ialah Qarn al-Manāzil.

3.4.1(c) *Miqāt* orang yang datang dari arah Timur dan ‘Irāq ialah Dhāt ‘Irq.

3.4.1(d) *Miqāt* orang yang datang dari Madinah dan Syria ialah Dhū al-Ḥulayfah, dinamakan Bir ‘Alī. Adalah afdal bagi mereka beriḥrām di masjid yang pernah Nabi S.A.W. beriḥrām di dalamnya.

3.4.1(e) *Miqāt* orang yang datang dari arah Barat atau Mesir ialah Juḥfah atau Rābigh.

3.4.1(f) Jika sesuatu jalan tidak mempunyai *miqāt*, maka hendaklah dia beri*hrām* di tempat yang berbetulan dengan *miqāt* yang di sebelah kanan atau kiri.

3.4.1(g) Jika tidak berbetulan dengan mana-mana *miqāt*, maka hendaklah dia beri*hrām* pada jarak dua *marhalah* dari Makkah.

3.4.2 Orang yang kediamannya antara *miqat* dan Makkah.

Miqātnya ialah tempat kediamannya.

3.4.3 Jika dia berada di Makkah sama ada dia penduduk Makkah atau bukan penduduk Makkah.

Miqātnya ialah di Makkah. Yang *afdalnya* ialah pada pintu rumahnya ketika dia menaiki kenderaan sekiranya berkenderaan atau dia mengadap ke arah jalan, sekiranya berjalan kaki.

3.4.4 *Miqāt* ‘umrah bagi orang yang berada di Makkah

Miqāt ‘umrah bagi orang yang berada di Makkah ialah:-

3.4.2(a) Keluar ke mana-mana sahaja yang dikehendakinya di tanah halal walau selangkah, tetapi yang lebih *afdal* ialah ia pergi ke Ji’rānah kerana Nabi S.A.W. dan Nabi-Nabi yang

terdahulu ber*ihrām* ‘umrah di sana. Jaraknya dengan Makkah sejauh enam *farsakh* atau 33 km.

3.4.2(b) Keluar ke Tan’im iaitu di Masjid Siti ‘Ā’isyah r.a.h. Jaraknya dengan Makkah sejauh satu *farsakh* atau 5.5 km.

3.4.2(c) Keluar ke Hudaybiyyah. Jaraknya dari Makkah adalah seperti Ji’rānah iaitu 33km.

3.5 *IHRĀM*

Ihrām bererti berniat mengerjakan ibadat haji atau ‘umrah. Dinamakan *ihrām* kerana orang yang ber*ihrām* itu mengharamkan perkara yang dahulunya adalah halal. Orang yang hendak mengerjakan haji dan ‘umrah terbahagi kepada empat bahagian iaitu:-

3.5.1 *Ihrām Muflaq*

Seseorang itu hanya berniat *ihrām* sahaja. Yang *afdal* ia menentukan sama ada mahu ber*ihrām* haji atau ‘umrah atau kedua-duanya sekali. Adalah tidak sah ia mengerjakan haji melalui *ihrām muflaqnya* itu kecuali ia telah menentukan salah satu daripada kedua-duanya, sama ada *ihrām* haji atau ‘umrah, barulah sah amal

dan *iḥrām*nya. Jika sukar diketahui *iḥrām*nya kerana sakit atau gila, hendaklah dijadikan *iḥrām*nya itu *qirān*, maka jadilah hajinya haji Islam tanpa ‘umrah.

3.5.2 *Iḥrām Ifrād*

Ifrād bermaksud seseorang itu ber*iḥrām* haji daripada *miqāt*nya pada bulan haji. Apabila selesai mengerjakan haji barulah dia ber*iḥrām* ‘umrah pada tahun itu juga. *Iḥrām* ini adalah yang paling *afḍal* dan tidak dikenakan *fidyah*.

3.5.3 *Iḥrām Tamattu'*

Tamattu' bermaksud seseorang itu ber*iḥrām* ‘umrah pada bulan haji dengan mengerjakan amal ‘umrah. Apabila tiba masa untuk mengerjakan haji, dia ber*iḥrām* haji pula pada tahun itu juga. Orang yang mengerjakan haji *tamattu'* ini wajib membayar *dam*, dengan empat syarat:-

- 3.5.3(a) ‘Umrah dikerjakan pada bulan haji.
- 3.5.3(b) Mengerjakan haji pada tahun itu juga.
- 3.5.3(c) Bukan penduduk Ḥarām Makkah.
- 3.5.3(d) Tidak kembali ke *miqāt*.

3.5.4 *Iḥrām Qirān*

Qirān bermaksud seseorang itu beri*ḥrām* haji dan ‘umrah sekali gus. Maka terhasillah haji dan ‘umrahnya dengan melakukan satu ibadat haji. Orang yang mengerjakan haji *qirān* ini wajib membayar *dam* dengan syarat:-

3.5.4(a) Bukan penduduk *Ḩarām* Makkah.

3.5.4(b) Tidak kembali ke *miqāt*.

Tidak harus bagi orang yang hendak mengerjakan haji masuk ke Makkah kecuali ia telah beri*ḥrām* di *miqāt*nya. Sekiranya semasa melalui *miqāt* ia terlintas hendak mengerjakan haji, maka dia wajib beri*ḥrām*. Jika ia beri*ḥrām* selepas melalui *miqāt*nya, ia berdosa dan wajib kembali ke *miqāt*nya. Kalau tidak kembali, ia berdosa dan diwajibkan membayar *dam* kecuali jika berlaku keuzuran seperti takut kepada sesuatu yang mengganggu perjalanannya, sakit atau kesuntukan masa, dia tidak berdosa tetapi wajib membayar *dam*.

Sekiranya ia kembali ke *miqāt* selepas memulakan pekerjaan haji seperti *tawāfi*, maka tidak gugur *dam*nya. Sekiranya ia kembali ke *miqāt* sebelum mengerjakan apa-apa pekerjaan haji, maka gugur *dam*nya. Sekiranya ia memasuki Makkah untuk menunaikan haji tanpa beri*ḥrām*, dia dikira berdosa tetapi tidak wajib *dam* ke atasnya kerana *dam* itu berfungsi sebagai

menampung *iḥrām*nya yang tidak sempurna, sedangkan dalam hal di atas dia tidak lagi beri*ḥrām*.

3.6 SUNAT-SUNAT *IHRĀM*

- 3.6.1 Sunat beri*ḥrām* bagi orang yang masuk ke Makkah tanpa mengerjakan haji kerana *iḥrām* merupakan suatu penghormatan kepada Ka'bah, melainkan ia seorang yang sangat kerap berulang-alik setiap hari seperti peniaga.
- 3.6.2 Sunat juga mandi di Telaga Dhī Tuwā bagi orang yang memasuki Tanah Ḥarām atau masuk ke Makkah dan ketika hendak melakukan *iḥrām*.
- 3.6.3 Sebelum mandi, disunatkan terlebih dahulu mencabut atau mencukur bulu ari-ari, bulu ketiak dan mengandam misai. Selepas itu barulah mandi sunat *iḥrām*.
- 3.6.4 Sunat mandi kerana *wuqūf* di ‘Arafah, waktunya bermula apabila terbit fajar, kerana *wuqūf* di Masy’ar al-Ḥarām, waktunya bermula selepas setengah malam, kerana melontar Hari *Tasyriq*, waktunya yang paling *afḍal* ialah selepas gelincir matahari dan kerana hendak memasuki *bayt Allāh*. Jika tiada air untuk mandi, hendaklah bertayammum sebagai gantinya.

- 3.6.5 Apabila seseorang itu hendak melakukan *iḥrām*, ia disunatkan memakai bau-bauan pada badannya selepas mandi terutamanya kasturi yang dicampur dengan mawar. Tidak menjadi kesalahan sekiranya bau-bauan tersebut berkekalan ketika *iḥrām*. Tetapi sekiranya ia mengambil bau-bauan yang ada pada badannya itu dengan tangan dan dipindahkannya kepada anggota lain atau kepada tangan itu sendiri, ia diwajibkan *fidyah*, kecuali bau-bauan itu berpindah sendiri dengan sebab terpalit. Walau bagaimanapun tidak disunatkan memakai bau-bauan pada kain.
- 3.6.6 Sunat bagi orang perempuan memakai inai pada kedua-dua tangan dan muka. Manakala haram bagi orang lelaki memakai inai kecuali pada janggut, rambut dan ketika sakit seperti dibuat ubat kudis.
- 3.6.7 Wajib menanggalkan kain yang bersarung dan tidak boleh menutup kepala sebelum *iḥrām*. Walau bagaimanapun disunatkan menanggalkan kain bersarung sebelum *iḥrām*. Sekiranya dilewatkannya selepas berniat *iḥrām* walaupun seketika, ia dikenakan *dam*.
- 3.6.8 Sunat memakai dua helai kain yang berwarna putih yang baru. Satu diikat di pinggang sebagai pakaian bawah dan satu lagi pakaian atas sebagai selendang. Sekiranya tiada kain yang baru, hendaklah dibasuh kain yang lama itu.

- 3.6.9 Sunat memakai sepasang selipar yang baru.
- 3.6.10 Disunatkan sembahyang dua rak'at sekiranya bukan waktu haram. Pada rak'at pertama dibaca Sūrah al-Kāfirūn dan rak'at kedua Sūrah al-Ikhlāṣ.
- 3.6.11 Selepas itu berniat *iḥrām* iaitu ketika hendak berjalan atau ketika menaiki kenderaan. Sekiranya ia berada di Makkah, ia hendaklah sembahyang dua rak'at di Masjid al-Harām, kemudian kembali berniat *iḥrām* di pintu rumahnya dan pergi semula ke Masjid untuk melakukan *tawāf widā'* kerana sunat melakukan *tawāf* bagi orang yang hendak keluar kepada perjalanan yang kurang dari dua *marhalah*.
- 3.6.12 Disunatkan membanyakkan *talbīyyah* dan meninggikan suara terutamanya ketika naik atau turun dari kenderaan, naik atau turun dari tanah tinggi, ketika berkumpulan, ketika masuk malam atau siang, selepas sembahyang dan waktu awal pagi, sebelum Subuh. Tetapi tidak disunatkan semasa *tawāf qudūm* dan *sa'i*.
- 3.6.13 Sunat berhenti sekejap pada perkataan "الملك".
- 3.6.14 Sunat mengucapkan *talbīyyah* sebanyak tiga kali berturut-turut. Kemudian berselawat ke atas Nabi S.A.W. sebagaimana yang dibaca dalam *tahiyyah* akhir dengan suara yang lebih rendah.

3.6.15 Sunat membanyakkan doa bagi perkara-perkara yang dikehendaki di dunia dan di akhirat.

3.7 SIFAT IBADAT HAJI

3.7.1 Rukun Haji

Rukun Haji mengandungi enam perkara iaitu:-

3.7.1(a) *Iḥrām*.

3.7.1(b) *Tawāfi*.

3.7.1(c) *Sa'ī*

3.7.1(d) *Wuqūf* di ‘Arafah.

3.7.1(e) *Halaq* iaitu bercukur atau bergunting.

3.7.1(f) Tertib pada kebanyakan rukun.

3.7.2 Rukun ‘Umrah

Rukun ‘umrah pula lima perkara iaitu:-

3.7.2(a) *Iḥrām*.

3.7.2(b) *Tawāfi*.

3.7.2(c) *Sa'ī*

3.7.2(d) Bercukur.

3.7.2(e) Tertib.

3.7.3 Wajib Haji

Manakala wajib haji pula lima perkara iaitu:-

- 3.7.3(a) *Ihrām* di *miqāt*.
- 3.7.3(b) *Mabīt* atau bermalam di Muzdalifah.
- 3.7.3(c) Bermalam di Minā.
- 3.7.3(d) Melontar Jamrah.
- 3.7.3(e) Meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan ke atas orang yang beri*hrām*.

3.8 WAJIB-WAJIB *TAWĀF* DAN SUNAT-SUNATNYA

3.8.1 Wajib-Wajib Tawaf

Wajib-wajib *tawāf* mengandungi lapan perkara iaitu:-

- 3.8.1(a) Menutup aurat.
- 3.8.1(b) Suci daripada hadath kecil dan besar, daripada najis pada badan dan pakaian serta pada tempat *tawāf* kecuali pada musim haji. Dimaafskan perkara yang najis yang dianggap sebagai '*umām balwā*'.

Sekiranya berhadath atau terkena najis, ia hendaklah membersihkan najis dan mengambil wuduk. Seterusnya

menyambung kembali *tawāf* tadi kerana *muwālāt* dalam *tawāf* tidak disyaratkan tetapi ia adalah sunat sahaja, kecuali bagi orang yang mengambil upah haji. Ia wajib meraikan orang yang mengatakan wajib *muwālāt*. Oleh itu ia hendaklah memulakan *tawāf* lain.

Sekiranya aurat terbuka dan ditutupnya dengan segera, maka sah *tawāf* tersebut. Sekiranya tidak mampu menutup aurat, diharuskan dia melakukan *tawāf* walaupun *tawāf* rukun, *tawāf*nya sah. Sekiranya tiada air untuk bersuci, tidak harus *tawāf* dengan bertayammum kecuali jika dia berazam untuk musafir. Dalam keadaan ini ia diharuskan *tawāf* rukun kerana kesukaran berada di dalam *iḥrām* dan seterusnya bertaḥallul. Apabila dia datang semula ke Makkah ia wajib *tawāf* lain. Jika dia meninggal dunia hendaklah dikerjakan haji lain untuknya.

- 3.8.1(c) Hendaklah menjadikan *bayt Allāh* di sebelah kiri dalam kesemua tujuh keliling itu dan berjalan ke hadapan daripada Hajar Aswad. Semasa mengerjakan *tawāf* keseluruhan badan hendaklah di luar *bayt Allāh* dan Syādharwān. Tidak boleh masuk ke dalam *hawā bayt Allāh* iaitu ruang kosong berhampiran *bayt Allāh* di Syādharwān dan tidak boleh bersentuh dengan badan dan kain.

Orang yang *tawaf* dituntut supaya mengadap ke *bayt Allāh* iaitu pada permulaan *ṭawāf* dan sunat dilakukan jika ada kelapangan tempat. Caranya ialah dengan menghadapkan dada ke *bayt Allāh* sambil dibetulkan bahu kanan dengan Ḥajar Aswad. Ketika itu hendaklah berniat dan berjalan dalam keadaan tersebut sehingga dada berbetulan dengan Ḥajar Aswad. Seterusnya berpaling dan mengirikan *bayt Allāh* untuk membetulkan kirinya dengan Ḥajar Aswad. Diteruskan perjalanan *ṭawāf* dan berniat dalam keadaan mengirikan *bayt Allāh*.

Sekiranya orang yang melakukan *ṭawāf* bersentuh dengan Hijr, ia dihukumkan tersentuh *bayt Allāh*, kerana Hijr adalah sebahagian daripada *bayt Allāh* yang dinamakan Ḥaṭīm. Ḥaṭīm merupakan dinding rendah yang meliputi Rukun ‘Irāq dan Rukun Syām dan terdapat kawasan lapang di antara kedua-duanya. Orang yang mengerjakan *ṭawāf* wajib memelihara badan dan pakaianya daripada tersentuh Hijr dan tidak boleh memasukkan tangan serta kakinya ke dalam *hawānya*.

- 3.8.1(d) *Tawāf* hendaklah dimulakan pada Ḥajar Aswad. Membetulkan kiri badan dengan Ḥajar Aswad atau sesuku dengan Ḥajar Aswad dan meniatkan *ṭawāf*. Jika ia

melakukan *tawāf* sunat, ia wajib berniat. Manakala jika melakukan *tawāf* rukun, niat adalah sunat sahaja.

- 3.8.1(e) Bilangan *tāwāf* ialah tujuh keliling dengan yakin, tidak boleh kurang walaupun satu langkah. Orang yang melakukan *tawāf* hendaklah berhati-hati pada akhir *tawāf*nya agar tidak kurang satu langkah. Ia wajib menamatkan *tawāf*nya di tempat ia memulakannya kerana ramai orang awam menyangka memadai apabila sampai hampir dengan Ḥajar Aswad. Lalu hilang dari dalam hatinya perjalanan *tawāf*. Seterusnya dia berjalan ke arah Ḥajar Aswad kerana hendak mengucupnya.

Sekiranya ada orang memberitahunya bahawa *tāwāf*nya kurang dari tujuh keliling, ia wajib mengambil yang kurang. Jika *tāwāf*nya lebih dari tujuh keliling, tidak diterima yang lebih tersebut. Jika berlaku syak dari segi bilangan *tawāf*, hendaklah diambil bilangan yang kurang kerana mengambil yang yakin itu adalah wajib. Kalau kurang selangkah sekalipun *tawāf* tidak sah.

- 3.8.1(f) *Tawāf* hendaklah dilakukan di dalam Masjid al-Harām. Sekiranya dilakukan di atas sutuh atau di tingkat yang lebih tinggi daripadanya, *tawāf* tersebut sah. Begitu juga sah

tawāf kalau diselangi oleh dinding atau rumah, tetapi makruh melakukan *tawāf* di luar daripada tempat *tawāf*.

Masjid mesti berada di dalam Tanah Ḥarām. Kalau keluasan Masjid melebihi keluar daripada Tanah Ḥarām maka tidak sah *tawāf* di tanah halal.

3.8.1(g) Niat *tawāf*. Jika *tawāf* sunat iaitu *tawāf* yang tidak di dalam *iḥrām* haji dan ‘umrah, niat adalah wajib. Jika *tawāf* haji atau ‘umrah, niat adalah sunat.

3.8.1(h) Tidak mengubah perjalanan *tawāf* itu kepada perjalanan lain. Jika diubah kepada perjalanan lain tidak sah *tawāf* seperti bertujuan mendapatkan orang yang berhutang, mencari air dan lain-lain. Sekiranya ia tidur dalam keadaan yang tidak membatalkan wuduk iaitu tetap keadaannya seperti duduk di atas usungan yang diusung oleh orang lain, *tawāf*nya adalah sah.

3.8.2 Sunat-Sunat *Tawāf*

Sunat-sunat *tawāf* ialah:-

3.8.2(a) Mengerjakan *tawāf* dengan berjalan kaki tanpa memakai kasut kerana berjalan itu lebih menggambarkan sifat merendah diri dan beradab. Adalah makruh memakai

kasut. *Tawāfi* berkenderaan adalah *khilāf awlā* atau berlawanan dengan yang sepatutnya.

- 3.8.2(b) Menyentuh Hajar Aswad dengan tangan dan mengucupnya dengan mengenakan dahi ke atasnya pada permulaan *tawāfi*. Orang perempuan tidak disunatkan menyentuh Hajar Aswad kecuali tiada orang lelaki di tempat *tawāfi* sama ada pada waktu malam atau siang.

Jika ia tidak boleh mengucupnya, ia boleh menyentuhnya dengan tangan kanan. Kalau tidak boleh menyentuhnya dengan tangan kanan, ia boleh menyentuhnya dengan tangan kiri. Jika tidak boleh menyentuhnya dengan tangan hendaklah dengan kayu, kemudian dikucup kayu tersebut. Kalau tidak boleh juga dengan kayu hendaklah diisyaratkan dengan tangan dan dikucup tangan itu. Makruh membuat isyarat dengan mulut. Sunat melakukannya sebanyak tiga kali.

- 3.8.2(c) Menyentuh Rukun Yamāni. Jika tidak dapat menyentuhnya, isyaratkan dengan tangan dan dikucup tangan itu. Disunatkan membaca doa ketika menyentuh atau membuat isyarat dengan tangan pada awal *tawāfi*.

3.8.2(d) Disunatkan membaca doa apabila bersetentangan dengan pintu Ka'bah.

3.8.2(e) Membaca doa pada Rukun 'Irāqī.

3.8.2(f) Apabila berbetulan dengan bawah Mizāb, sunat membaca doa.

3.8.2(g) Membaca doa pada tiga keliling yang awal di Rukun Syāmī.

3.8.2(h) Membaca doa pada empat keliling yang akhir atau semasa mengerjakan *tawāfi* sunat.

3.8.2(i) Membaca doa di Rukun Yamānī.

3.8.2(j) Sunat kepada lelaki melakukan *iḍṭibā'* pada tiap-tiap *tawāfi* iaitu memakai selendang di atas bahu kiri dan menyelitkan bahagian tengah di bawah ketiak kanan serta dua tepinya di sebelah kiri. Pemakaian begini adalah untuk menampakkan bahagian kanan badan kerana cara ini merupakan kelakuan seorang pahlawan. Tetapi tidak disunatkan dilakukan demikian di dalam dua rak'at sunat *tawāfi* kerana makruh sekiranya didedahkan dada.

3.8.2(k) Disunatkan bagi orang lelaki mengerjakan *tawāfi* hampir dengan *bayt Allāh* kerana mengambil berkat dan mudah untuk melakukan *istilām*. Sekiranya keadaan sesak dan boleh menyakiti orang lain atau orang lain boleh menyakitinya, maka jauh dari *bayt Allāh* adalah lebih baik.

3.8.2(l) Sunat berlari-lari anak jika *tawāfi* itu diiringi dengan *sa'i*. Jika tidak dapat berlari dekat dengan *bayt Allāh*, hendaklah berlari pada jarak yang lebih jauh. Jika ditakuti akan bersentuh dengan perempuan, hendaklah berjalan.

3.8.2(m) Sunat *muwālāt* pada ketujuh-tujuh keliling dan antara *tawāfi* dengan sembahyang sunat, seterusnya dengan *sa'i*.

3.8.2(n) Sembahyang dua rak'at selepas *tawāfi* di belakang Maqām Ibrāhīm yang mana keluasan tempatnya adalah mengikut kebiasaan orang ramai. Jika tidak dapat sembahyang di situ hendaklah sembahyang di bawah Mīzāb. Kalau tidak dapat di situ hendaklah di dalam Masjid. Kalau tidak dapat juga hendaklah di rumah Siti Khadījah. Jika di situ juga tidak dapat hendaklah di mana-mana sahaja di Tanah Ḥarām. Kalau masih lagi tidak dapat sembahyang, maka terserahlah kepadanya untuk menunaikan sembahyang sunat tersebut di mana-mana sahaja yang dikehendakinya.

3.8.2(o) Membaca doa selepas sembahyang sunat *tawāfi*.

3.8.2(p) Sunat pergi ke Hajar Aswad setelah selesai membaca doa untuk mengucupnya supaya mendapat berkat kepada pekerjaan haji atau ‘umrah yang masih tinggal.

Syeikh Ibn Ḥajar berkata bahawa tidak disunatkan datang ke Multazam dan berdoa di situ selepas *tawāfi* dan sembahyang dua rak’at sunat *tawāfi*. Ia dikehendaki bersegera melakukan *sa’i* kerana dituntut *muwālāt* antara *tawāfi* dengan *sa’i*.

3.8.2(q) Berlainan pula dengan pendapat Imām al-Māwardī dan lain-lain seperti Imām al-Ghazzālī di dalam Kitab *Iḥyā*’nya bahawa sunat pergi ke Multazam dan berdoa di situ.

Menurut Imām al-Nawawī pula di dalam Kitab *Majmū’*’nya bahawa tidak disunatkan pergi ke Multazam selepas sembahyang sunat *tawāfi* kerana menyalahi maksud ḥadīth *shahīh*. Beliau membenarkan pendapat bahawa tidak dituntut berbuat demikian kecuali untuk melakukan *istilām* pada Hajar Aswad sahaja. Seterusnya pergi ke Ṣafā untuk mengerjakan *sa’i*.

Beliau menambah, disahkan bahawa Nabi S.A.W., setelah selesai melakukan *tawāf*, Baginda mengucup Ḥajar Aswad dan meletakkan tangan ke situ. Seterusnya menyapu muka Baginda. Apabila selesai menunaikan sembahyang sunat dua rak'at, Baginda kembali semula ke Ḥajar Aswad. Kemudian pergi ke Telaga Zamzam lalu Baginda minum Air Zamzam dan menuangkannya ke atas kepala. Seterusnya pergi semula melakukan *istilām* pada Ḥajar Aswad. Selepas itu barulah Baginda keluar ke Ṣafā.

Imām al-Zarkasyī berkata bahawa kita digalakkkan mengamalkannya kerana terdapat ḥadīth yang menunjukkan sunat datang ke Multazam.

Sementara Syeikh Ibn Ḥajar pula menegaskan bahawa sunat pergi ke Multazam jika tiada *sa'i* yang mengiringi *tawāf* selepas selesai daripada sembahyang dua rak'at. Caranya ialah pergi ke Multazam iaitu bahagian di antara Ḥajar Aswad dan Pintu Ka'bah. Multazam merupakan salah satu daripada tempat-tempat yang dimaqbulkan doa. Dilekatkan dada dan perut kepada *bayt Allāh*, bergantung dengan dua tangan pada tirainya, menghantarkan pipi kanan kepadanya dan menghampirkan dua tangan serta siku lalu membaca doa.

3.8.2(r) Membaca doa yang diriwayatkan daripada Nabi Adam a.s.

3.9 *SA'Ī*

Apabila selesai mengerjakan *tawāf*, disunatkan *istilām* Ḥajar Aswad sebagaimana yang telah disebutkan di atas. Seterusnya keluar melalui pintu Ṣafā dan disunatkan bersegera mengerjakan *sa'ī* selepas *tawāf*.

3.9.1 Wajib-Wajib *Sa'ī*

Wajib-wajib *sa'ī* empat iaitu:-

3.9.1(a) Dimulai *sa'ī* pada Ṣafā dan disudahi pada Marwah.

3.9.1(b) *Sa'ī* itu tujuh kali dengan yakin, dari Ṣafā ke Marwah berulang-alik sehingga menamatkan pusingan yang ketujuh di Marwah.

Diputuskan segala perjalanan dari Ṣafā ke Marwah dengan dihubungkan tumit pada tempat dimulakan perjalanan dan dihubungkan anak jari pada tempat ditamatkan perjalanan.

3.9.1(c) Melakukan *sa'ī* pada tempat *sa'ī*. Sekiranya keluar dari tempat *sa'ī* walaupun satu langkah, *sa'ī* tersebut tidak sah. Tempat *sa'ī* adalah diketahui umum iaitu kawasan di antara Bukit Ṣafā dan Marwah.

3.9.1(d) Hendaklah melakukan *sa'i* selepas *tawāf* rukun atau *tawāf* *qudūm* jika tidak diselangi antara kedua-duanya *wuqūf* di ‘Arafah.

3.9.2 Sunat-Sunat *Sa'i*

Manakala sunat-sunat *sa'i* pula ialah:-

3.9.2(a) Menaiki di atas tangga *Ṣafā* dan Marwah kadar seperdirian bagi lelaki.

3.9.2(b) Sunat berniat *sa'i*

3.9.2(c) Selepas berniat *sa'i*, sunat membaca doa.

3.9.2(d) Sebelum sampai ke Ḥabl al-Akhḍar iaitu tanda pada dinding Masjid di penjuru menara hendaklah berlari terlebih dahulu sekadar enam hasta bagi orang lelaki. Dihampirkan langkah hingga sampai kepada dua tanda iaitu satu pada dinding Sayyidinā ‘Abbās dan satu lagi pada dinding Masjid.

3.9.2(e) Sunat membaca doa dan mengulanginya di situ. Kemudian teruskan berjalan dan membaca doa yang dikehendaki sama ada untuk tujuan dunia atau akhirat. Mengulangi doa atau zikir sebanyak tiga kali. Seterusnya membaca doa di Marwah sebagaimana doa yang dibaca di *Ṣafā*.

3.9.2(f) Sunat dalam keadaan berwuduk, menutup aurat dan berjalan kaki tanpa berkasut jika tidak ditakuti terkena najis.

3.9.2(g) Tidak berhenti sehingga selesai, *muwâlât* antaranya dan membanyakkan berdoa di Ṣafâ dan Marwah kerana kedua-dua tempat itu merupakan tempat yang dimustajabkan doa.

3.9.2(h) Membaca doa yang dibaca selepas sembahyang sunat *fawâ'îf* atau doa di Multazam atau lain-lain doa yang dikehendaki.

3.10 *WUQŪF* DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA

Wuqūf di ‘Arafah adalah paling *afḍal* dari segala rukun haji. *Wuqūf* di ‘Arafah itu lebih *afḍal* jika berlaku pada Hari Juma’at (hajj akbar).

Sunat bagi Imam membaca khutbah di Masjid Ḥarām pada hari ketujuh. Hari tersebut dinamakan Hari *Zīmah* iaitu “Hari Perhiasan” kerana jamaah haji menghiasi kenderaan masing-masing. Manakala hari kelapan Bulan Dhū al-Hijjah dinamakan Hari *Tarwîyah* kerana pada hari itu jamaah haji meminum air dengan puas dan mengisi bekas air masing-masing sebagai bekal untuk dibawa ke ‘Arafah kerana di sana tiada air. Hari yang kesembilan pula dinamakan Hari ‘Arafah kerana semua jamaah haji berada di ‘Arafah melakukan *wuqūf*. Hari yang kesepuluh dinamakan Hari *Nâḥr*

kerana jamaah haji menyembelih binatang korban mereka di Minā pada hari tersebut.

Hari kesebelas dinamakan Hari *Qarr* kerana semua jamaah haji menetap di Minā pada hari itu. Hari yang kedua belas dinamakan Hari *Nafar al-Awwal* kerana pada hari itu jamaah haji diharuskan berjalan kembali ke Makkah. Manakala hari yang ketiga belas dinamakan Hari *Nafar al-Thānī*. Ketigatiga hari tersebut iaitu hari kesebelas, kedua belas dan ketiga belas dinamakan pula Hari *Tasyriq* kerana kebanyakan orang menjemur dan mengeringkan daging dan kerana cahaya matahari terang pada waktu siang serta bulan terang pada waktu malam.

Imam hendaklah menyebut di dalam khutbahnya amalan-amalan haji yang perlu dilakukan oleh jamaah haji hingga kepada khutbah Hari ‘Arafah. Beliau hendaklah mengingatkan mereka supaya melakukan *tawāf widā* bagi orang Makkah. Manakala orang yang mengerjakan haji *tamattu’* akan melakukan *tawāf widā* selepas mereka ber*ihram*. Semua jamaah haji hendaklah bersegera pergi ke Minā selepas Sembahyang Subuh dengan membanyakkan *talbiyyah* semasa dalam perjalanan sehingga sampai ke Minā. Di sana sunat membaca doa.

Berhenti di Minā untuk menuaikan Sembahyang Zohor, ‘Asar, Maghrib, ‘Isyak dan Subuh serta bermalam di sana. Apabila selesai Sembahyang Subuh iaitu ketika cahaya matahari telah menerangi Bukit Thubayr, maka hendaklah berjalan menuju ke ‘Arafah sambil membaca doa.

Berkenderaan pergi ke ‘Arafah adalah lebih baik dari berjalan kaki mengikut Imām al-Nawawī dan ditegaskan oleh Syeikh Ibn Hajar, Syeikh al-Ramli dan Syeikh al-Khaṭīb al-Syarbīnī kerana mengikut sunah Nabi S.A.W. Imām al-Rāfi‘ī menjelaskan bahawa Nabi S.A.W. mengerjakan haji dengan menaiki kenderaan.

Bagi orang yang berkuasa, berjalan kaki adalah lebih *afḍal* kerana haji berjalan itu dicatatkan bagi tiap selangkah seratus ribu kebajikan daripada kebajikan Tanah Ḥarām. Tersebut dalam satu riwayat bahawa Malaikat memberi salam kepada haji yang berkenderaan, berjabat tangan dengan haji yang berkenderaan kaldai atau baghal dan berpeluk-pelukan dengan haji yang berjalan kaki.

Apabila sampai ke Namirah hendaklah berhenti di sana hingga gelincir matahari dan tidak terus pergi ke ‘Arafah. Sunat mandi di situ dan masuk waktu mandi tersebut dengan terbit fajar, tetapi dilewatkan sehingga gelincir matahari adalah lebih *afḍal*.

Kemudian pergi ke Masjid Ibrāhīm untuk menunaikan Sembahyang Zohor. Imam hendaklah membaca dua khutbah sebelum Sembahyang Zohor. Di dalam khutbah yang pertama Imam hendaklah mengajar jamaah haji amalan-amalan di hadapan mereka daripada pekerjaan haji di ‘Arafah, perjalanan kembali ke Muzdalifah hingga kepada hukum hari yang kesepuluh. Mengingatkan mereka supaya membanyakkan doa, *tahlīl* dan *talbīyyah* ketika *wuqūf* di ‘Arafah.

Seterusnya qamat dan sembahyang Fardu Zohor dan ‘Asar di dalam Masjid dengan *jama’ taqdim*. Bagi jamaah haji yang belum lagi putus *safarnya*, mereka boleh *qaṣar*. Sementara penduduk Makkah dan orang yang telah putus *safarnya*, tidak harus *jama’* dan *qaṣar*, dia hanya sembahyang Zohor sahaja.

Seterusnya melakukan *wuqūf* di ‘Arafah. Tempat yang paling utama ialah tempat *wuqūf* Nabi S.A.W. iaitu di dalam Masjid di bawah Jabal Rahmah, pada batu yang terhampar. Sunat bagi lelaki masuk ke dalamnya dan perempuan duduk di luar berhampiran Masjid itu hingga jatuh matahari.

Masjid Ibrāhīm adalah sebahagiannya daripada bumi ‘Arafah dan sebahagian lagi bukan daripada bumi ‘Arafah. Ada batu yang terhampar di tengahnya dan boleh melakukan *wuqūf* pada sebelah ‘Arafahnya. Pergi ke tempat Nabi S.A.W. *wuqūf* itu adalah terlebih *awlā* dan tempatnya sangat terkenal di sana iaitu di bawah Bukit Rahmah. Makruh lagi bid’ah menaiki bukit itu.

Hendaklah membanyakkan menyebut Allah dengan berzikir, berdoa dan bertahlil serta jangan memutuskan *talbīyah* pada hari itu. Perkara yang lebih disukai di sisi Allah ialah mengucapkan *talbīyah*, berdoa, berzikir, bertahlil, berselawat, membaca al-Qur’ān dan membaca Sūrah al-Ḥasyr dan al-Ikhlāṣ.

Sunat berbuka puasa bagi mereka yang berpuasa kerana mengikut sunnah Nabi S.A.W. dan menguatkan meminta doa. Sebaik-baiknya mengekalkan *berṭahārah*, mengadap kiblat dan jangan banyak berteduh kecuali kerana uzur seperti sakit kepala atau lainnya. Digalakkan supaya meminta doa untuk kedua-dua ibubapa, guru-guru, sahabat handai, orang-orang yang melakukan kebajikan dan kesemua orang Islam.

Jangan bertengkar dengan seseorang, jangan memaki, jangan mengherdik orang yang meminta serta jangan mengeluarkan perkataan yang keji terhadapnya dan sentiasa memelihara percakapan. Sunat memberi makan kepada jamaah haji, berkelakuan dan bercakap dengan lemah lembut, memberi salam kepada tiap-tiap orang yang dijumpai, memerdekaan hamba jika berkuasa dan tidak bergantung kepada segala manusia. Seboleh-bolehnya pada hari itu jangan berdepan kepada yang lain daripada Allah kerana Ia memerintahkan rahmatNya atau Malaikat turun ke langit sambil menyeru: “*Siapa yang berhajat maka Aku sampaikan hajatnya, siapa yang berdosa maka Aku ampunkannya dan sesiapa yang meminta maka Aku perkenankannya.*” Keadaan demikian berkekalan pada Hari ‘Arafah sehingga terbit fajar.

Doa yang paling *afdal* pada Hari ‘Arafah itu ialah doa yang datang daripada Nabi, Sahabat dan orang-orang salih. Hendaklah membanyakkan membaca doa Nabi Khidr.

Wajib *wuqūf* di ‘Arafah ialah orang yang ber*ihram* itu datang pada Hari ‘Arafah iaitu hari kesembilan Dhū al-Hijjah walaupun dalam masa satu saat. Jikalau dia lalu di ‘Arafah mencari hamba yang lari atau mencari orang yang berhutang walaupun tidak berhenti atau berada di atas kenderaan atau berada di atas pohon kayu di bumi ‘Arafah daripada saat gelincir matahari pada hari kesembilan Bulan Dhulhijjah hingga terbit fajar *sādiq* pada Hari Raya atau jikalau dia tidur sekalipun sama ada pada waktu siang atau malamnya, jika seseorang itu ahli ibadat seperti kanak-kanak menjadi baligh dan hamba menjadi orang yang merdeka, dikira dia telah melakukan *wuqūf*. Dengan demikian hajinya dikategorikan sebagai “Haji Islam” dan gugurlah tuntutan fardu haji ke atasnya. Sekiranya kanak-kanak menjadi baligh atau orang gila menjadi siuman atau hamba menjadi orang yang merdeka, tetapi tidak sempat *wuqūf* pada waktunya maka haji mereka menjadi haji sunat.

3.11 BERMALAM DI MUZDALIFAH DAN AMALAN-AMALAN HAJI YANG MASIH TINGGAL

Apabila matahari terbenam hendaklah bertolak ke Muzdalifah. Sunat dita’khirkan Maghrib dan dijama’kan dengan ‘Isyak iaitu *jama’ ta’khīr* di Muzdalifah jika seseorang itu masih dikira bermusafir kerana Nabi S.A.W. menta’khirkan Maghrib dan dijama’kan dengan ‘Isyak di Muzdalifah. Membanyakkan *talbiyyah* di sepanjang perjalanan ke sana.

Hendaklah diselang-selikan *talbiyyah* dan takbir kerana malam tersebut merupakan malam Hari Raya. Apabila sampai ke Muzdalifah disunatkan

membaca doa. Sunat mandi selepas tengah malam kerana *wuqūf* di Masy'ar al-Harām dan kerana Hari Raya. Tetapi adalah lebih *afḍal* dilewatkan hingga terbit fajar.

Wajib bermalam di Muzdalifah itu sekurang-kurangnya satu saat. Jikalau seseorang itu lalu kerana mencari hamba yang lari dan tidak mengetahui bahawa tempat yang dilaluinya itu adalah Muzdalifah atau dia tidur sekalipun, dia dikira bermalam. Hendaklah berada di Muzdalifah selepas daripada tengah malam dan telah *wuqūf* di 'Arafah, tetapi sunat dia bermalam di sana hingga ke Subuh dan ada setengah pendapat mengatakan wajib.

Barang sesiapa yang turun ke Minā sebelum setengah malam, maka dia wajib membayar *dam*. Orang-orang yang lemah seperti perempuan, orang-orang tua, orang-orang sakit dan kanak-kanak disunatkan bersegera pergi ke Minā apabila masuk setengah malam supaya tidak berlaku kesesakan, manakala orang-orang yang lain disunatkan tinggal di Muzdalifah hingga ke Subuh.

Sunat mengambil batu pelontar di Muzdalifah pada waktu malam atau selepas Subuh sebanyak tujuh biji atau tujuh puluh biji. Bilangan ini telah menjadi perbezaan pendapat di kalangan ulamak.

Hendaklah menunaikan Sembahyang Subuh dengan segera dan pergi *wuqūf* di Masy'ar al-Harām. Menurut Syeikh Ibn Ḥajar, Masy'ar al-Harām ialah

masjid yang terletak di Muzdalifah. Manakala mengikut Syeikh al-Ramli pula, Masy'ar al-Ḥarām merupakan sebuah bukit bernama *Quzah* yang terletak di akhir Muzdalifah. Sunat berhenti di situ untuk berdoa, berzikir, bertahlil dan mengucapkan *talbīyah* sehingga siang.

Seterusnya berjalan ke Minā dengan perjalanan biasa dan lemah lembut sambil membanyakkan *talbīyah*, zikir dan takbir kerana masa tersebut adalah pagi Hari Raya. Apabila sampai ke Wādī Muḥassir, sunat menyegerakan perjalanan dengan berlari-lari. Jauhnya sekadar sepelontar batu dan wādī itu merupakan tempat lalu air. Jika berkenderaan hendaklah digerak-gerakkan kenderaannya.

Apabila sampai ke Minā selepas matahari naik sekadar segalah hendaklah memulakan melontar Jamrah al-‘Aqabah sebelum berhenti. Orang-orang yang berkenderaan disunatkan berada di atas kenderaannya. Ia hendaklah mengadap Jamrah, memberi kanan kepada Minā dan mengirikan Makkah serta dilemparkan kepada *marmā* iaitu tempat melontar dengan batu yang diambil di Muzdalifah.

Apabila selesai melontar jangan berhenti dari berdoa. Sunat meminta doa di tempat dia berada. Kemudian barulah melakukan penyembelihan korban, atau *dam*. Paling baik, seseorang itu menyembelih sendiri.

Selepas itu barulah bercukur atau bergunting iaitu sekurang-kurangnya tiga helai rambut kepala. Paling *afḍal* bagi lelaki ialah bercukur keseluruhan

kepalanya dan perempuan dengan bergunting iaitu pada hujung rambut sekadar seruas jari. Semasa bercukur disunatkan mengadap ke kiblat. Dimulakan bercukur dari sebelah kanan hingga ke belakang, kemudian bercukur sekelian kepala.

Ketika melontar hendaklah dihentikan *talbiyyah* dan takbir kecuali takbir selepas sembahyang. Bercukur adalah rukun haji iaitu menghilangkan rambut kepala sama ada dengan mencukur, mengerat, mencabut, membakar atau lain-lain cara. Masuk waktu bercukur, melontar, *tawāf* dan *sa'i* ialah selepas setengah malam Hari Raya dan waktu menyembelih ialah dengan naik matahari sekadar segalah. Tiada akhir bagi bercukur dari segi masa dan tempat tetapi melakukan *taballul thānī* mestilah dengan bercukur.

Cara yang paling *afḍal* ialah menyembelih korban selepas melontar, kemudian bercukur dan memakai kain atau pakaian biasa serta memakai bau-bauan. Kemudian turun ke Makkah untuk melakukan *tawāf ifāḍah* dan *sa'i*. Kemudian kembali ke Minā dan menunaikan Sembahyang Zohor di Minā.

Waktu *ikhtiyār* melontar berkekalan hingga jatuh matahari dan waktu harus hingga akhir Hari *Tasyriq*. Tiada akhir bagi waktu *tawāf* dan *sa'i* tetapi makruh dilewatkhan daripada Hari Raya dan terlebih makruh jika kemudian daripada Hari *Tasyriq*. Terlebih makruh lagi jika keluar dari Makkah sebelum *tawāf*. Waktu korban dan menyembelih berkekalan hingga akhir Hari *Tasyriq*.

Sekiranya dikerjakan dua daripada tiga iaitu melontar, bercukur dan *fawāf* serta *sa'i* jika belum melakukan *sa'i*, terhasillah *taḥallul awwal*. Maka harus memakai pakaian biasa, memotong segala bulu, mengerat kuku, memakai bau-bauan, memakai minyak rambut dan memburu kecuali akad nikah, jimak dan perbuatan-perbuatan yang mendahului jimak.

Setelah dikerjakan ketiga-tiganya, maka halal sekelian yang haram tetapi sunat melewatkannya jimak sehingga melakukan *nafar* dari Minā. Jika luput melontar maka *taḥallul* terhenti di atas mengerjakan gantinya iaitu menyembelih *dam* atau berpuasa.

3.12 MELONTAR DI TIGA JAMRAH, BERMALAM DI MINĀ DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN KEDUA-DUANYA

Apabila kembali ke Minā selepas mengerjakan *fawāf* di Makkah pada Hari Raya, sunat menunaikan Sembahyang Zohor, ‘Asar, Maghrib dan ‘Isyak di Masjid Khayf iaitu masjid tempat Nabi S.A.W. bersembahyang. Hendaklah bersembahyang di masjid itu selama berada di Minā.

Hendaklah bertakbir tiap-tiap kali selepas sembahyang pada semua Hari *Tasyriq* dan wajib bermalam di Minā tiga malam Hari *Tasyriq* jika tidak melakukan *nafar awwal*. Jika melakukan *nafar* maka wajib bermalam dua malam sahaja.

Apabila gelincir matahari pada hari kesebelas, disunatkan mandi. Jika tidak memperolehi air hendaklah bertayammum. Kemudian pergi melontar sebelum Sembahyang Zohor di Jamrah al-Ūlā iaitu Jamrah yang terletak di sebelah ‘Arafah mengiringi Masjid Khayf. Semasa melontar disunatkan mengadap ke arah kiblat dan melontar tujuh biji batu. Seterusnya meminta doa di sana sekadar masa membaca Sūrah al-Baqarah. Jika tidak berupaya sekadar itu maka berdoalah setakat yang terdaya kerana di situ merupakan tempat dimustajabkan doa.

Selepas itu pergi pula melontar di Jamrah al-Wuṣṭā dan melakukan sebagaimana yang dilakukan di Jamrah al-Ūlā. Kemudian melontar di Jamrah al-‘Aqabah. Disunatkan mengadap kepada Jamrah dengan mengirikan Makkah dan manganakan Minā kerana Jamrah al-‘Aqabah itu satu pihak sahaja. Tidak disunatkan berhenti meminta doa di situ. Selepas itu pergi menuaikan Sembahyang Zohor.

Demikian dilakukan pada hari yang kedua belas dan ketiga belas jika tidak melakukan *nafar* pada hari yang kedua belas. Wajib bermalam pada malam Hari *Tasyriq*. Maksud bermalam ialah berada di Minā lebih daripada setengah malam sama ada pada awal malam atau pada akhir malam.

Masuk waktu melontar pada tiap-tiap Hari *Tasyriq* apabila gelincir matahari. Imām al-Rāfi’ī telah menegaskan bahawa harus melontar tiap-tiap hari sebelum gelincir matahari sebagaimana pendapat Imām al-

Haramayn dan juga Imām al-Isnawī. Diharuskan melontar selepas terbit fajar diqiyāṣkan kepada mandinya.

Berkekalan waktu *ikhtiyār* hingga jatuh matahari dan berkekalan waktu harus kesemua lontaran hingga jatuh matahari pada hari terakhir Hari *Tasyriq*. Jika ditinggalkan melontar pada Hari *Naḥr*, hendaklah melontar pada Hari *Tasyriq* dan masih dihukumkan tunai. Harus melontar pada waktu malam dan siang selagi belum habis Hari *Tasyriq*. Tidak sah melontar bagi hari yang kemudian iaitu hari yang kedua belas sebelum melontar bagi hari yang kesebelas. Lontaran hari kedua belas menjadi lontaran hari sebelumnya iaitu hari yang kesebelas sama ada diniatkan untuk hari yang kesebelas atau untuk hari kedua belas sekalipun, ia akan menjadi lontaran untuk hari yang kesebelas juar.

Jika seseorang itu menggantikan orang lain, lontarannya tidak sah kecuali selepas selesai dia melontar pada hari itu untuk dirinya sendiri. Begitu juga kalau dia melontar bagi pihak anaknya yang masih kecil, tidak harus dia membawanya untuk melontar kecuali setelah dia selesai melontar untuk dirinya terlebih dahulu kerana tertib melontar tiap-tiap hari itu adalah merupakan syarat sah melontar.

Hendaklah menjaga tertib pada ketiga-tiga Jamrah. Jika dia membawa batu pelontar sebanyak dua puluh satu biji lalu dilontarnya ketiga-tiga Jamrah, kemudian didapatinya berbaki satu biji, maka wajib dia lontarkan satu biji batu itu di Jamrah al-Ūlā dan diulangi melontar di Jamrah al-Wuṣṭā dan

Jamrah al-'Aqabah kerana menjaga dari berlaku kesilapan iaitu untuk memelihara ibadat dengan mengambil yang minima. Oleh itu diputuskan bahawa lontaran yang tertinggal itu berlaku di Jamrah al-Ūlā.

3.12.1 SYARAT-SYARAT SAH MELONTAR JAMRAH

Melontar Jamrah mempunyai beberapa syarat yang tertentu iaitu:-

- 3.12.1(a) Tujuh biji batu itu dilontarkan satu demi satu. Kalau dilontarkan dua biji batu sekali gus dan jatuh berterib sekalipun, ia dikira sebagai sekali lontar sahaja. Begitu juga kalau dilontarkan satu biji dengan tangan kanan dan satu biji lagi dengan tangan kiri serentak dan jatuh berturut-turut sekalipun, ia dikira sebagai sekali lontar juga.
- 3.12.1(b) Melontar mengikut tertib ketiga-tiga Jamrah. Hendaklah dimulakan di Jamrah al-Ūlā, kemudian di Jamrah al-Wustā dan seterusnya di Jamrah al-'Aqabah.
- 3.12.1(c) Melontar dengan batu. Kalau dilontarkan batu permata bersama cincinnya sama ada yaqut, zamrud, fairuz, 'aqiq dan lain-lain, maka lontaran itu sah. Tidak sah lontaran

jika melontar dengan kaca, urat tali, kapur yang keras, tanah, emas, perak, timah dan lain-lain.

- 3.12.1(d) Melontar dengan tangan. Tidak sah dengan menghantarkan batu ke Jamrah tanpa dilontar. Begitu juga tidak sah dengan menggunakan sumpit, senapang, disepak dengan kaki dan lain-lain cara yang tidak disifatkan sebagai perkataan melontar.
- 3.12.1(e) Semua biji batu jatuh di tempat pelontar iaitu sekadar tiga hasta di sekelilingnya.

- 3.12.1(f) Jatuhnya batu pelontar di tempat pelontar itu dengan niat melontar dan tiada objek lain di tengah-tengah lontaran. Jika batu yang dilontar terkena sesuatu benda kemudian jatuh ke tempat pelontar, maka lontaran itu tidak dikira.

3.12.2 SUNAT-SUNAT MELONTAR

Sunat-sunat melontar ialah:-

- 3.12.2(a) Disunatkan membasuh batu pelontar itu walaupun diyakini kesuciannya. Batu pelontar boleh diambil di Wādī al-Muḥassir, Muzdalifah dan Minā dengan menggunakan

tiga batang jari iaitu jari telunjuk, jari tengah dan ibu jari. Tidak boleh diambil daripada tempat bernajis dan daripada masjid. Tidak boleh dipecah-pecahan daripada batu yang besar. Saiznya adalah sebesar kacang *ful* iaitu sekadar seruas jari.

- 3.12.2(b) Melontar dengan tangan kanan dengan mengangkatnya sehingga kelihatan ketiak.
- 3.12.2(c) Sunat melontar dalam keadaan *bertahārah* iaitu suci daripada ḥadath besar dan kecil serta suci daripada najis.
- 3.12.2(d) Sunat mengadap ke arah qiblat semasa melontar.
- 3.12.2(e) Melontar sebelum menunaikan Sembahyang Zohor.
- 3.12.2(f) Melontar ketika tidak bersesak-sesak.
- 3.12.2(g) Sunat bertakbir pada tiap-tiap biji batu ketika melontar.
- 3.12.2(h) Sunat berhenti selepas melontar Jamrah al-Ūlā dan Jamrah al-Wuṣṭā sekadar masa membaca Sūrah al-Baqarah atau sekadar yang terdaya untuk meminta doa.

Sesiapa yang tidak berupaya melontar sendiri kerana tua, sakit iaitu keadaan yang menggugurkan tuntutan berdiri semasa sembahyang fardu, tidak tetap duduk di atas kenderaan atau mengalami sakit berat yang tiada harapan sembah pada adat, wajib dia menggantikan seseorang untuk melontar bagi dirinya walaupun dengan memberi upah.

Disyaratkan untuk memberi keizinan kepada orang lain untuk melontar dengan masuk waktu melontar. Tidak harus diizinkan sebelum masuk waktunya. Orang yang diizinkan itu hendaklah telah selesai melontar bagi dirinya sendiri terlebih dahulu. Sekiranya dia sembah dan berupaya pergi melontar sendiri setelah penggantinya itu melontar, disunatkan dia melontar lain dengan sendiri jika masih ada waktunya.

Setelah selesai melontar pada hari yang kedua belas, harus melakukan *nafar awwal* iaitu meninggalkan Minā dan turun ke Makkah serta tidak datang lagi ke Minā untuk bermalam, dengan syarat sudah bermalam selama dua malam sebelumnya. *Nafar* hendaklah dilakukan selepas Sembahyang Zohor dan setelah selesai melontar untuk hari tersebut serta dilakukannya sebelum matahari terbenam. Sekiranya matahari telah terbenam selepas ia berjalan dan belum lagi keluar dari Minā, *nafar* tersebut adalah sah.

Dalam melakukan *nafar*, disyaratkan niat *nafar* di dalam had Minā. Jika diniatkan *nafar* sebelum melontar atau selepas melontar dua Jamrah dan sebelum melontar Jamrah al-'Aqabah, kemudian ia turun ke Makkah tanpa berniat *nafar* sesudah selesai melontar Jamrah al-'Aqabah ataupun ia

berniat *nafar* selepas selesai melontar tetapi tidak pergi kembali ke Minā untuk berniat ataupun ia kembali selepas jatuh matahari, maka ia wajib bermalam di Minā dan melontar hari ketiga belas. Apabila seseorang itu melakukan *nafar* dengan memenuhi segala syaratnya maka gugurlah tuntutan bermalam daripadanya pada malam yang ketiga belas dan melontar pada harinya.

Melontar adalah di antara wajib-wajib haji. Wajib membayar *fidyah* jika tertinggal melontar tiga biji batu. Kalau meninggalkan melontar kesemua Hari *Tasyriq* dan Hari *Naḥr*, ia diwajibkan satu *dam*. Manakala *dam* pada satu biji batu ialah satu *mudd* atau satu hari puasa. Tertinggal melontar satu biji batu boleh dibuat andaian iaitu boleh jadi ia tertinggal melontar di Jamrah al-‘Aqabah pada akhir Hari *Tasyriq*, kerana jika dia tertinggal melontar pada *Jamrah* lain daripada Jamrah al-‘Aqabah atau pada Jamrah al-‘Aqabah tetapi bukan akhir Hari *Tasyriq*, maka tidak sah melontar hari yang kemudiannya. Demikian juga jika tertinggal melontar pada hari *nafar awwal*, tidak sah *nafarnya*. Oleh itu satu biji batu yang tertinggal itu pada hakikatnya adalah banyak.

Seterusnya *dam* pada dua biji batu ialah dua *mudd*, pada satu malam satu *mudd* dan dua malam dua *mudd*. Jika tiga malam, maka wajib *fidyah*. *Fidyah* bermalam dan melontar ialah satu ekor kambing yang boleh dibuat korban. Jika tidak mampu, ia hendaklah berpuasa selama tiga hari di Makkah dan tujuh hari di negerinya. *Fidyah* ini dinamakan *dam tartīb* dan *taqdīr*.

Apabila hendak turun ke Makkah iaitu ketika bertolak daripada Jamrah al-'Aqabah, hendaklah menaiki kenderaan dan membanyakkan takbir dan tahlil. Bila sampai ke Muhaṣṣab iaitu tempat yang terletak di antara dua bukit hingga kepada Kubur Ma'lā, sunat turun berhenti dan menunaikan Sembahyang Zohor, 'Asar, Maghrib dan 'Isyak di sana. Seterusnya bermalam di situ pada malam yang keempat belas atau pada malam yang ketiga belas. Hendaklah tidur sekejap di sana. Seterusnya turun ke Makkah untuk mengerjakan *tawāf widā'* apabila hendak keluar dari Makkah ke negerinya atau ke tempat yang melebihi dua *marḥalah* daripada Makkah.

Hukum *tawāf widā'* adalah wajib dan jika tidak dilakukan ia digantikan dengan *dam*. Jika seseorang keluar dari Makkah dengan tidak melakukan *tawāf widā'* tanpa kembali semula atau kembali semula selepas melepassi dua *marḥalah*, ia dikenakan *dam*. Sekiranya ia kembali semula sebelum sampai dua *marḥalah* dan melakukan *tawāf*, ia tidak dikenakan *dam*.

Para ulamak berselisih pendapat mengenai *tawāf widā'* iaitu sama ada ianya daripada wajib haji atau tidak. Syeikh Ibn Hajar menegaskan bahawa ia adalah daripada perkara-perkara yang mengiringi haji. Oleh itu *tawāf widā'* tidak memerlukan kepada niat, tetapi orang yang mengambil upah haji wajib berniat bagi orang yang mengupah haji ketika melakukan *tawāf widā'*.

Syeikh al-Khaṭīb al-Syarbīnī, al-Baghawī dan al-Mutawallī pula mengatakan bahawa *tawāf widā'* bukan daripada wajib haji. Oleh itu wajib

berniat ketika mengerjakan *tawāf widā'* dan tidak wajib diniatkan bagi orang yang dihajikan untuknya.

Apabila seseorang itu selesai mengerjakan *tawāf widā'*, ia tidak boleh berhenti kecuali untuk sembahyang berjamaah atau sibuk dengan urusan perjalanan. Sekiranya ia berhenti bagi tujuan yang lain maka ia wajib mengulangi semula *tawāf*. Begitu juga sekiranya ia berhenti kerana hendak membayar hutang atau menziarahi orang sakit, iaitu ia wajib mengulangi semula *tawāf* tersebut.

Hukum *tawāf widā'* itu adalah pelbagai. Jika seseorang itu musafir dengan segera selepas sahaja melakukan *tawāf*, *tawāf* tersebut dinamakan *tawāf widā'*. Sekiranya tidak nyata tanda-tanda dia akan segera bermusafir selepas *tawāf*, *tawāf* tersebut tidak dinamakan *tawāf widā'*. Bagi perempuan haid atau nifas boleh keluar dari Makkah tanpa mengerjakan *tawāf widā'*, tetapi disunatkan ia berhenti di pintu Masjid untuk berdoa. Sekiranya ia suci dari haid dan nifas sebelum keluar daripada Makkah, ia wajib kembali ke Makkah dan seterusnya mengerjakan *tawāf widā'*. Sekiranya sudah keluar dari sempadan Makkah, ia tidak wajib kembali untuk mengerjakan *tawāf widā'*.

Setelah selesai mengerjakan *tawāf* dan menunaikan sembahyang sunat *tawāf* di belakang Maqām Ibrāhīm, seseorang itu hendaklah pergi ke Multazam iaitu dinding Ka'bah antara Hajar Aswad dan Pintu Ka'bah sekadar empat hasta. Multazam adalah tempat yang mustajab untuk berdoa. Sunat

melekapkan perut dan dada pada dinding *bayt Allāh* dan menghampirkan kedua-dua tangan kepada tirainya. Tangan kanan ke arah Pintu *bayt Allāh* dan tangan kiri ke sebelah Ḥajar Aswad. Di situ hendaklah ia membaca doa.

Seseorang disunatkan membanyakkan melihat kepada *bayt Allāh*, mengerjakan *tawāf* dan mendirikan sembahyang. Ini kerana Allah S.W.T. menurunkan rahmat ke atas *bayt Allāh* pada tiap-tiap hari seratus dua puluh rahmat. Enam puluh bagi orang yang mengerjakan *tawāf*, empat puluh bagi orang yang mendirikan sembahyang dan dua puluh bagi orang yang memandang *bayt Allāh*.

Semasa keluar ia disunatkan memandang *Ka'bat Allāh* sehingga lenyap dari pandangan mata kerana membesarkannya dan tidak boleh berjalan keluar daripada Masjid dalam keadaan berundur ke belakang. Hukumnya adalah makruh lagi bid'ah, kerana ia tidak dilakukan kecuali orang yang jahil.

Adalah sunat menziarahi tempat-tempat yang masyhur kelebihannya di Makkah, seperti Maulūd Nabi, Maulūd Siti Fātimah iaitu rumah Siti Khadījah, Masjid Dār al-Arqam di Ṣafā, Jabal Nūr, Jabal Thawr dan lain-lain.

Hasan al-Baṣrī berkata bahawa disunatkan berdoa semasa di Makkah di lima belas tempat iaitu ketika *tawāf*, di Multazam, di bawah Mīzāb, di dalam *bayt Allāh*, di sisi Telaga Zamzam, di atas bukit Ṣafā, di atas bukit Marwah,

di tempat *sa'i* di belakang Maqām Ibrāhīm, di ‘Arafah, di Muzdalifah, di Masy’ar al-Harām, di Minā dan di ketiga-tiga Jamrah.

Adalah disunatkan membanyakkan meminum air Zamzam pada bila-bila masa sahaja. Ketika hendak minum seseorang itu disunatkan mengadap kiblat dan minum tiga nafas sambil duduk, seterusnya minum dengan puas. Sunat meminta sebarang hajat (doa) dunia dan akhirat ketika meminum air Zamzam. Ketika hendak meminumnya disunatkan membaca doa. Sesudah minum air Zamzam sunat dipercikkan air tersebut ke atas kepala, muka dan dada. Ia juga sunat memberi minum kepada orang sakit dan mempercikkan badannya. Sunat pula mengambil berkat air Zamzam dengan membawa pulang ke negeri masing-masing dan menghadiahkannya kepada orang yang berada di luar Makkah.

3.13 PERKARA-PERKARA YANG DIHARAMKAN KERANA BERI*HRĀM*

Enam perkara diharamkan ke atas orang yang sedang *beri_ihrām* iaitu:-

3.13.1 Orang lelaki diharamkan menutup sebahagian kepala dengan sesuatu yang dinamakan menutup. Ianya tidak diharamkan sekiranya ia menutupnya sedikit seperti dengan tuala di belakang dua telinga atau inai yang pekat atau minyak beku yang boleh dibawa menyelam ke dalam air atau dibalut dengan benang atau meletakkan tangannya atau tangan orang lain atau menjunjung bekal atau berteduh di bawah sekedup atau berpayung.

Bagi orang yang sedang ber*ihrām* haram memakai sesuatu yang bersarung sama ada ianya berjahit atau ditenun atau memasang cangkut pada tali pengikat pinggang. Jika tidak mempunyai kain, harus memakai seluar.

Harus memakai kasut yang tidak tertutup dua tumitnya. Tidak wajib dikerat supaya terbuka anak jarinya. Apabila terbuka tumitnya atau anak jarinya maka harus dia memakainya jika tidak mempunyai kasut yang terbuka salah satu daripada dua itu. Jika ada kasut maka tidak harus memakai *khuff* kecuali dengan dibukakan dua itu iaitu dikerat dua tumitnya dan pada anak jarinya.

Harus mengikat pinggang dengan membalutnya atau disimpul bukan simpul mati. Tetapi tidak harus disimpul dua punca selendang dengan simpul mati atau disematkan dengan jarum. Harus memakai pending dan disangkutkan maṣḥaf, pedang atau kendi kecil iaitu kalau dimasukkan tangan ke dalamnya, kendi itu tidak melekat pada tangan ketika diangkatkan tangan.

Harus bagi wanita memakai semua yang telah disebutkan di atas. Tidak ada yang diharamkan ke atas mereka kecuali menutup muka dan tangan. Mereka wajib membuka muka dan dua tangan iaitu tidak boleh memakai sarung tangan. Wajib menutup kepala untuk menunaikan sembahyang. Wanita ditegah menutup keseluruhan kepala kecuali dilabuhkan sedikit dengan diambil daripada had

mukanya. Diharuskan bagi wanita menudung muka jika kain tudung muka tersebut tidak menyentuh mukanya.

Haram ke atas orang khunsa menutup kepala dan mukanya. Jika dia memakai seperti lelaki atau seperti perempuan, maka tidak haram dan tidak dikenakan *fidyah*.

Harus bagi orang lelaki menutup kepala dan memakai kain yang bersarung kerana uzur seperti sakit atau terlalu sejuk tetapi diwajibkan *fidyah*. Diwajibkan membayar *fidyah* sekiranya dia mengulangi memakainya mengikut Mazhab Syāfi'i. Imām Mālik pula berpendapat bahawa walaupun ia mengulangi memakainya, ia hanya diwajibkan satu *fidyah* sahaja.

3.13.2 Adalah haram memakai bau-bauan pada pakaian atau badan, zahir atau batin seperti dimakannya atau dipakai di bawah kasut, sekalipun dia tidak dapat mencium baunya sebab hidungnya tidak dapat menghidu bau-bauan yang diniatkan sebagai pakai pada '*uruf*' seperti semua minyak dan bunga-bunga yang harum.

Tidak menjadi kesalahan dan tidak dikenakan *fidyah* sekiranya memakai sesuatu yang tidak diniatkan untuk menikmati keharumannya dan hanya bertujuan untuk menyedapkan makanan seperti cengkih, buah pala, bunga pelaga, halia, jintan hitam, adas manis dan semua jenis rempah.

Maksud memakai bau-bauan itu ialah dilekatkannya pada badan atau kain mengikut adat memakai seperti membawa kesturi yang bekasnya terbuka atau bekas kaca yang berisi minyak yang harum dengan mulutnya terbuka atau duduk di atas bau-bauan yang ada pada hamparan atau seseorang perempuan memakai pakaian yang disimpulkan bau-bauan di dalamnya. Perbuatan-perbuatan di atas adalah haram, kerana ia dianggap sebagai bau-bauan memakai pada adatnya.

Jika seseorang yang *beri/hrām* memijak bau-bauan dengan kasut dan ia melekat padanya, maka ia adalah haram dan dikenakan *fidyah*. Ianya berlainan pula sekiranya ia membawa bekas kaca yang berisi bau-bauan yang ditutup mulutnya atau dibawanya di dalam bungkus kain atau dicabut kayu gaharu dan membawanya. Ianya adalah tidak haram dan tidak dikenakan *fidyah*.

Begini juga haram ke atas orang yang sedang *beri/hrām* itu memakai minyak, walau tidak harum, pada rambut, janggut, misai, tali tudung, kening dan segala bulu di muka. Sebaliknya adalah harus disapu ke kepala orang yang botak atau dagu orang yang belum tumbuh janggut.

Adalah harus membasuh kepala dengan daun bidara atau seumpamanya, membasuh seluruh badan dan mandi sekiranya tidak

ditakuti akan tercabut bulu di badan serta adalah makruh memakai celak.

Yang dianggap sebagai haram seperti menutup kepala, memakai pakaian yang bersarung, memakai minyak yang harum dan memakai sebarang minyak pada kepala apabila ia dengan sengaja, dengan kehendak sendiri dan mengetahui hukum haramnya. Jika ia terlupa atau tidak mengetahui haramnya atau dipaksa, maka tidak mengapa dan tidak dikenakan *fidyah*.

3.13.3 Haram memotong rambut atau kuku dengan sengaja. Jika dipotong kedua-duanya dalam keadaan lupa atau tidak mengetahui haramnya atau dipaksa, hukumnya tidak haram tetapi diwajibkan *fidyah* kerana dia telah membinaaskan perkara-perkara yang dituntut memeliharanya. Walau bagaimanapun tetapi harus mencabut atau memotong rambut yang tumbuh di dalam mata atau bulu kening yang menutup mata atau kuku yang sudah terkopak. Dalam hal ini ia tidak dikenakan *fidyah*.

Begini juga sekiranya kulit terkupas. Sekiranya terdapat di atasnya beberapa helai bulu atau kuku atau dihiriskan kulit kakinya, ia tidak diwajibkan *fidyah*. Sekiranya tercabut bulu dan dia merasa syak sama ada ia tercabut dengan sendiri atau dengan sebab menyikat rambut atau membuang tahi hidungnya, maka ia tidak diwajibkan *fidyah*.

Orang yang ber*ihrām* harus mencukur kepala orang yang halal tetapi haram kepala orang *muhrim*. Jika ia mencukur kepalanya kerana dipaksa, diwajibkan *fidyah* keatas orang yang memaksa. Orang yang dicukur wajib menuntut orang yang mencukur memberi *fidyah* kerana *ihrāmnya* telah berkurang dan ia akan disempurnakan dengan *fidyah* jika dia menghilangkan tiga helai rambut dengan sekali cabut. Jika berasingan atau berlainan tempat maka wajib ke atasnya tiga cupak atau tiga hari puasa. Pada satu helai rambut atau satu kuku satu cupak atau sehari puasa dan dua helai rambut atau dua kuku dua cupak atau dua hari puasa.

- 3.13.4 Haram melakukan jimak sama ada pada qubul atau dubur, halal atau haram atau pada binatang, iaitu jimak yang mewajibkan mandi wajib dan membinasakan haji dan ‘umrah jika belum *taḥallul awwal* dan wajib ke atasnya *fidyah* jika dengan sengaja, mengetahui haramnya dan dengan kehendak sendiri. Tidak wajib *fidyah* dan tidak berdosa jika terlupa atau tidak mengetahui haramnya atau dipaksa bahkan hajinya tidak rosak.

Fidyah kerana melakukan jimak ialah satu ekor unta yang sesuai untuk korban. Jika tidak berupaya maka satu ekor lembu. Jika tidak berupaya juga maka tujuh ekor kambing. Kalau masih lagi tidak berupaya, hendaklah dinilaikan harga unta dan dibeli makanan. Seterusnya jika kesemuanya itu tidak berupaya juga maka hendaklah dikira bilangan *mudd* makanan asasi yang nilainya sama dengan

harga unta dan berpuasa mengikut bilangan tersebut. Termasuk dalam *dam* jimak ialah berseronok sebelum jimak tetapi tidak melakukannya.

Jika melakukan jimak kali kedua maka wajib membayar *dam* satu ekor kambing iaitu *fidyah* lain daripada fidyah unta itu. Wajib pula ke atasnya menyempurnakan haji atau ‘umrahnya dan wajib mengqada’kannya pada tahun hadapan atau dengan segera sekalipun haji itu sunat. Demikian juga haram mengeluarkan mani dan wajib *fidyah*.

Seterusnya haram ke atas wanita yang halal menyerahkan dirinya kepada orang yang sedang *berihram* sebagaimana haram pula lelaki yang halal menjimak perempuan yang *berihram* kerana mendorong kepada melakukan maksiat.

3.13.5 Haram berkahwin, sama ada ia sendiri yang berkahwin atau mewalikan kepada orang yang halal atau mengahwinkan orang lain sama ada dia menjadi wali atau wakil wali atau wakil pada *qabul* bagi mempelai. Justeru tidak sah sama ada ia berkahwin atau mengahwinkan orang lain.

Harus bagi sultan yang sedang *berihram* mengizinkan orang halal mengahwinkan orang yang berwalikan baginda dan harus pula orang yang sedang *berihram* menjadi saksi atau merujuk kepada isterinya

yang telah diceraikan kerana perbuatan itu tidak dinamakan berkahwin. Segala perbuatan yang tersebut di atas itu adalah haram ke atas orang yang sedang *beribrām*, tidak sah perkahwinan tetapi ia tidak diwajibkan *fidyah*.

3.13.6 Haram memburu binatang buruan darat yang liar iaitu binatang yang tidak dapat ditangkap melainkan dengan tipu daya. Tetapi tidak haram memburu binatang yang tidak boleh dimakan kecuali binatang yang telah dinaskan oleh Syarak hukum haramnya seperti kelelawar. Ia diwajibkan *fidyah* lagi haram memburunya. Tidak haram memburu binatang laut atau binatang yang jinak.

Demikian juga haram memburu binatang kacukan antara binatang halal dengan binatang haram seperti kijang dengan harimau akar atau kaldai kampung dengan baghal atau kucing dengan kambing.

Haram juga mengambil susu atau bulunya. Kalau berlaku kesukaran untuk berjalan seperti belalang terlalu banyak di atas jalan, tidak menjadi kesalahan jika terpijak atau mengambil binatang buruan yang telah ditangkap oleh kucing dengan tujuan untuk mengubatinya. Tidak menjadi kesalahan jika binatang tersebut mati dan ia tidak diwajibkan membayar *fidyah*.

Wajib melepaskan semua binatang buruan yang dimilikinya. Jika tidak dilepaskan maka hilang hak pemilikannya terhadap binatang

buruan itu dan sesiapa yang mengambilnya akan menjadi miliknya. Apabila selesai *ihrām*, binatang buruan itu tidak akan kembali menjadi miliknya, jika ia tidak dilepaskan ketika hendak ber*ihrām* dahulu.

Seterusnya haram ke atas orang yang halal memburu binatang buruan di dalam Tanah Ḥarām Makkah, Ḥarām Madinah dan Ḥarām Tā'if iaitu tempatnya dinamakan Wajj al-Tā'if. Tidak wajib *fidyah* jika memburu di dalam kedua-duanya, diwajibkan *fidyah* hanya memburu di Tanah Ḥarām Makkah sahaja. Berlainan pula jika dia memburu di tanah halal, kemudian dibawa masuk perburuan itu ke Tanah Ḥarām, harus baginya melakukan sekehendaknya seperti menyembelih atau menjualkannya dan orang yang berada di dalam Tanah Ḥarām harus membelinya.

Hukum haram itu ialah apabila salah satu daripada pemburu atau binatang buruan berada di dalam Tanah Ḥarām atau alat perburuan atau anak panah melalui di dalam Tanah Ḥarām dan mengena binatang buruan sekalipun binatang itu berada di dalam tanah halal. Contohnya, jika pemburu yang berada di Tanah Ḥarām memanah binatang yang berada di tanah halal atau pemburu berada di tanah halal dan binatang buruan di Tanah Ḥarām atau pemburu berada di tanah halal dan pukatnya di Tanah Ḥarām atau pemburu dan binatang buruan sama-sama berada di tanah halal tetapi anak panah melalui Tanah Ḥarām dan mengena binatang buruan yang berada di

tanah halal atau orang yang ber*ihram* itu memasang jaringnya ketika dia ber*ihram* dan jaringnya mengena setelah dia sudah bertaḥallul atau dia memasang jaringnya ketika dia halal dan jaringnya mengena ketika dia dalam *ihrām* atau orang yang ber*ihram* menolong orang yang halal atau dengan menyuruh orang yang sedang ber*ihram*, kesemua perbuatan di atas adalah haram dilakukan dan dikenakan *fidyah* serta binatang buruan itu tidak boleh dimakan. Demikian juga sekiranya sebelah kaki binatang buruan berada di Tanah Ḥarām dan sebelah kaki lagi di tanah halal, hukumnya juga haram.

Sekiranya orang yang sedang ber*ihram* menyembelih binatang buruan atau orang yang halal menyembelih binatang buruan yang berada di Tanah Ḥarām, binatang buruan itu tidak boleh dimakan dan dihukumkan menjadi bangkai. Harus memakan belalang dan telur kerana kedua-duanya tidak perlu kepada penyembelihan.

Diwajibkan membayar *fidyah* seekor kambing betina yang berumur setahun jika membunuh burung kasawari atau burung unta, lembu hutan, kuda belang dan kijang. Jika membunuh arnab maka dendanya ialah kambing betina yang sudah kuat tetapi belum sampai umur setahun. Sekiranya membunuh tikus munduk, maka dendanya seekor kambing betina yang berumur empat bulan.

Jika membunuh binatang yang tidak mempunyai nilai persamaan dengannya, maka dendanya mengikut nilai yang dihukumkan oleh

dua orang yang adil sama ada nilainya besar atau kecil. Demikian juga kalau membunuh binatang yang tiada bandingan dengannya, hendaklah membayar harganya sebagai denda, melainkan burung merpati dan burung yang seumpamanya seperti burung ketitir, dendanya seekor kambing, berpandukan kepada hukum yang telah diputuskan oleh beberapa orang Sahabat. Seterusnya jika membunuh kelelawar, dendanya ialah dengan menilaikan harganya berdasarkan kepada kata-kata Imām al-Syāfi'ī bahawa kelelawar, jika dimakan maka dibayar harganya.

Jika seseorang yang sedang ber*ihrām* bersekutu dengan orang halal memburu, maka wajib ke atas orang yang sedang ber*ihrām* itu setengah *diyat*. Sekiranya dia bersekutu dengan beberapa orang halal atau dengan beberapa orang ber*ihrām* dan seorang orang halal, maka diwajibkan *diyat* ke atas orang yang ber*ihrām* mengikut kadar masing-masing. Manakala jikalau orang yang ber*ihrām* bersekutu atau orang yang halal membunuh binatang perburuan di Tanah Harām, wajib satu denda sahaja.

Segala binatang yang tidak boleh dimakan, sebahagiannya binatang yang sunat dibunuh seperti ular, kala, tikus, anjing gila, babi, helang, siwah, harimau akar, harimau belang, badak, gagak, kutu anjing, kuman, pepijat, kutu unta dan binatang yang makruh dibunuh seperti kumbang hitam, ketam batu, helang, burung bayan, nuri, ulat, lalat, lipas, semut besar, burung kelicap, belatuk, cengkerik dan semut

kecil, adalah harus bahkan sunat dibunuh. Manakala anjing yang memberi manfa'at adalah haram dibunuh tetapi jika tidak mendatangkan manfa'at yang harus, maka harus dibunuh. Perkara-perkara yang tersebut ini berlaku sama ada di Tanah Ḥarām ataupun di tanah halal.

Adalah haram bagi orang yang *beriḥrām* atau orang halal, mengerat tumbuh-tumbuhan di Tanah Ḥarām sama ada pokok itu tumbuh sendiri atau ditanam, tetapi harus mencabut atau mengerat sayur-sayuran atau perhumaan untuk dimakan atau diberi makan binatang ternakan atau dijual. Dendanya ialah jika pokok yang besar pada 'uruf orang ramai satu ekor lembu, kalau pokok kecil iaitu satu pertujuh daripada pokok besar dendanya seekor kambing dan jika pokok kecil atau rumput, dibayar harganya, dibelikan makanan dan disedekahkan kepada fakir miskin, kecuali pokok *idhkhīr* iaitu sejenis rumput yang boleh dihamparkan untuk membuat atap rumah dan segala pokok yang berduri seperti pokok *salam* dan *'awsaj*, harus dikerat dan dicabut.

Harus mengambil tumbuh-tumbuhan seperti rumput kerana memberi makan binatang dan dijadikan ubat. Sekiranya bertujuan untuk dijual, tumbuh-tumbuhan tersebut adalah haram dikerat dan dicabut. Seterusnya haram memindahkan tanah Ḥarām dan batunya ke tanah halal kecuali untuk dijadikan ubat bagi sesetengah penyakit yang tertentu.

3.14 DAM

Dam haji dan ‘umrah terbahagi kepada empat bahagian iaitu:-

3.14.1 *Dam Tartīb* dan *Taqdīr*.

Tartīb bermaksud berturutan. Oleh itu tidak harus diturunkan kepada martabat yang di bawah melainkan selepas tidak terdaya melaksanakan *dam* yang pertama. Maksud tidak terdaya sama ada tidak terdaya pada *hissi* (fizikal) seperti *dam* itu tidak ada atau pada hukum seperti *dam* itu terlalu mahal berbanding harga biasa atau tidak mempunyai wang untuk membelinya atau mempunyai wang tetapi hanya untuk perbelanjaan diri sendiri atau untuk perbelanjaan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya selama pemergiannya ke Makkah dan pulang semula ke pangkuhan keluarganya seperti makanan, pakaian dan kenderaan.

Maksud *taqdīr* pula ialah kadar yang telah ditentukan oleh Syarak, tidak dilebihkan atau dikurangkan.

3.14.1(a) *Dam tartīb* dan *taqdīr* ini diwajibkan ke atas:

- i. Orang yang mengerjakan haji *tamattu'*.
- ii. Orang yang mengerjakan haji *qirān*.
- iii. Orang yang luput *wuqīf*.
- iv. Orang yang luput bermalam di Muzdalifah.
- v. Orang yang luput bermalam di Minā.

- vi. Orang yang luput melontar di Jamrah.
- vii. Orang yang meninggalkan niat di Miqāt.

3.14.1(b) Wajib ke atas mereka di atas:

- i. Menyembelih satu ekor kambing yang sah dibuat korban.
- ii. Jika tidak berupaya hendaklah berpuasa selama sepuluh hari iaitu tiga hari di Makkah dan tujuh hari di negerinya iaitu di tempat kediamannya.

Dam orang yang mengerjakan haji *tamattu'* ialah wajib menyembelih ketika dalam *iḥrām* haji, tetapi harus dia menyembelih sebelum mengerjakan haji iaitu setelah dia ber*iḥrām* 'umrah. Kalau dia memilih untuk berpuasa, maka tidak harus dia berpuasa melainkan setelah dia ber*iḥrām* haji. Oleh yang demikian hendaklah ia ber*iḥrām* haji pada hari yang kelima serta berpuasa pada hari yang keenam, ketujuh dan kelapan. Manakala tujuh hari lagi, sekiranya ia penduduk Makkah, ia hendaklah berpuasa selepas Hari *Tasyriq* dan jika dia bukan penduduk Makkah, hendaklah dia berpuasa setelah dia tiba di tempat kediamannya.

Jika orang yang mengerjakan haji *tamattu'* dan haji *qirān* tidak berpuasa tiga hari tersebut di dalam bulan haji, hendaklah dia

mengqada'kannya dan diceraikan antaranya dan antara tujuh hari itu selama empat hari iaitu Hari Raya dan Hari *Tasyriq* serta kadar perjalanan pulang ke negerinya. Jika berpuasa sepuluh hari berterusan, dikira cuma tiga hari sahaja.

3.14.2 *Dam* *Takhyir* dan *Taqdir*.

Takhyir bermaksud Syarak memberi pilihan kepada orang yang diwajibkan membayar *dam* itu daripada beberapa martabat mengikut kehendaknya.

3.14.2(a) *Dam* ini diwajibkan kerana:

- i. Bercukur.
- ii. Mengerat kuku.
- iii. Memakai pakaian yang haram.
- iv. Memakai bau-bauan.
- v. Melakukan jimak selepas *taḥallul awwal*.

3.14.2(b) Seseorang yang melakukan perkara-perkara ini, ia wajib:

- i. Menyembelih seekor kambing.
- ii. Atau membayar tiga cupak makanan yang menyamai zakat *fitrah*.
- iii. Atau berpuasa selama tiga hari.

Jika ia mencabut sehelai bulu atau memotong satu kuku, ia diwajibkan membayar *dam* satu cupak makanan atau berpuasa satu hari, manakala dua helai bulu atau dua kuku diwajibkan dua cupak atau berpuasa dua hari.

3.14.3 *Dam Ta'dīl dan Tartīb.*

Ta'dīl bermaksud dipalingkan kepada harga jika tidak berupaya mendapatkannya.

3.14.3(a) *Dam* ini diwajibkan kerana:

- i. Melakukan jimak yang membinasakan haji.
- ii. Melakukan jimak yang membinasakan ‘umrah.
- iii. Dikepung iaitu orang yang ditahan daripada menamatkan haji.
- iv. Ditahan daripada menamatkan ‘umrah.

3.14.3(b) Dendanya ialah:

- i. Menyembelih seekor kambing serta bercukur.

- ii. Jika tidak berupaya hendaklah dinilaikan harganya dan dibelikan makanan serta disedekahkan kepada fakir miskin.
- iii. Kalau masih lagi tidak mampu, hendaklah dinilaikan harga kambing dan berpuasa mengikut bilangan cupak yang boleh dibeli dengan nilai tersebut.

3.14.3(c) *Dam* jimak pula ialah:

- i. Menyembelih sekor unta yang boleh dibuat korban.
- ii. Jika tidak mampu maka wajib menyembelih seekor lembu.
- iii. Seterusnya jika tidak mampu lagi wajib menyembelih tujuh ekor kambing yang boleh dibuat korban.
- iv. Jika masih tidak mampu juga hendaklah dinilaikan harga unta dan dibelikan makanan.
- v. Akhir sekali kalau masih lagi tidak mampu hendaklah berpuasa mengikut bilangan cupak makanan yang boleh dibeli dengan nilai harga unta itu.

3.14.4 *Dam* *Takhyīr* dan *Ta'dīl*.

3.14.4(a) *Dam* ini diwajibkan kerana:-

- i. Memburu binatang perburuan.
- ii. Memotong pokok di Tanah Ḥarām.

3.14.4(b) Wajib ke atas mereka di atas:

- i. Menyembelih unta atau lembu atau kambing iaitu berpandukan kepada saiz binatang yang diburunya itu. Jika binatang itu besar maka besarlah balasannya dan jika binatang itu kecil maka kecillah balasannya.
- ii. Atau membeli makanan dengan nilai harga binatang yang diwajibkan *dam* ke atasnya.
- iii. Atau berpuasa mengikut bilangan cupak makanan yang boleh dibeli dengan nilai harga binatang itu.

Dam kerana luput *wuqūf* di ‘Arafah hendaklah disembelih semasa mengerjakan haji *qadā*'. Manakala *dam* kerana meninggalkan perkara yang wajib atau mengerjakan perkara yang haram tidak ditentukan masa, tetapi wajib dilakukan di Tanah Ḥarām. Penyembelihan hendaklah dilakukan di

Tanah Ḥarām dan diberikan dagingnya kepada orang-orang miskin yang berada di Tanah Ḥarām sama ada kepada penduduk Makkah atau orang asing, sekurang-kurangnya tiga orang. Ia tidak harus memakan dagingnya walau sedikitpun.

Orang yang dikepung wajib menyembelih di tempat dia dikepung sama ada di Tanah Ḥarām atau di tanah halal dan disedekahkan kepada fakir miskin yang berada di situ. Manakala *dam* puasa tidak ditentukan di mana-mana sama ada berpuasa di Tanah Ḥarām atau di tanah halal.

Tempat yang paling *afdal* untuk menyembelih bagi orang yang mengerjakan haji ialah di Minā. Waktunya ialah waktu *udhīyyah*. Jika luput Hari *Tasyriq* hendaklah diqada'kan pada bila-bila masa sekiranya dia bernazar dan jika tidak bernazar, maka tidak dituntut lagi.

3.15 KEPUNGAN DAN LUPUT *WUQŪF*

Orang yang dikepung atau ditegah oleh musuh sama ada kafir atau Islam daripada menyempurnakan haji dan 'umrah wajib *bertaḥallul* jika tiada cara lain dan tiada harapan untuk *wuqūf* walaupun sekiranya ia menunggu.

Demikian juga bagi orang yang hartanya hendak dirampas. Adalah makruh ia menyerahkan harta tersebut kerana dianggap menjadi suatu pertolongan kepada satu kekuatan dalam melakukan kezaliman ke atas orang Islam. Sekiranya halangan dilakukan oleh orang kafir dan ia mampu melawan,

maka sunat dia berperang dengan mereka itu supaya mendapatkan dua fadilat iaitu perang *Fī Sabillillāh* dan haji.

Sekiranya ada harapan bahawa halangan akan hilang dalam masa tiga hari dan sempat melakukan *wuqūf*, maka ia tidak harus bertaḥallul. Sekiranya seseorang itu ditegah daripada menamatkan haji sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya sahaja dan berlaku *taḥallulnya*, ia hendaklah:

3.15.1 Menyembelih seekor kambing yang boleh dibuat korban di tempat ia ditegah itu dan berniat *taḥallul* ketika menyembelih serta bercukur.

3.15.2 Jika tiada kambing, hendaklah melakukan gantinya iaitu membeli makanan dengan nilai harga kambing tersebut dan disedekahkan kepada fakir miskin.

3.15.3 Jika ia tidak mampu, ia wajib berpuasa mengikut bilangan cupak makanan yang boleh dibeli dengan nilai tersebut. Ia boleh bertaḥallul sebelum berpuasa kerana puasa boleh menyebabkan berlaku kesulitan semasa menanti selesainya tegahan.

Tegahan juga boleh berlaku kerana hutang. Pemberi hutang boleh menegah orang yang berhutang daripada bermusafir untuk mengerjakan haji sekiranya sudah sampai masa membayarnya dan ia mampu membayar hutangnya itu.

Begitu juga suami boleh menegah isterinya daripada menamatkan haji sekiranya isteri berihram haji tanpa keizinannya. Seseorang tuan juga boleh mentaḥallul kan hambanya yang berihram tanpa keizinannya. Kedua-dua ibubapa atau datuk boleh menegah anak atau cucu mereka daripada berihram dan mentaḥallul kan mereka jika mereka berihram tanpa izin daripada mereka sekiranya haji sunat. Sekiranya haji fardu, ibubapa atau datuk tidak boleh berbuat demikian. Keharusan menegah haji itu tidak terpakai kepada penduduk Makkah. Penduduk Makkah tidak harus ditegah kerana perjalanan mereka sangat dekat.

Apabila suami dan ibubapa menyuruh orang-orang yang di bawah tanggungan mereka bertaḥallul, wajib mereka bertaḥallul dengan mengerjakan perkara-perkara yang telah disebutkan iaitu menyembelih, berniat taḥallul dan bercukur melainkan hamba, mereka tidak wajib menyembelih dan memberi makanan kepada fakir miskin. Mereka hanya diwajibkan berpuasa sahaja.

Hukum bagi orang yang luput *wuqūf* di ‘Arafah ialah wajib bertaḥallul dengan kerja-kerja ‘umrah iaitu *tawāfi*, *sa’i*, dan bercukur serta wajib membayar *dam* dan mengqada’kan hajinya. Ia hendaklah menyembelih *dam* itu semasa mengerjakan haji *qadā*. Ia tidak harus menunggu hingga haji pada tahun hadapan kerana *iḥrām* pada satu tahun tidak harus dikerjakan pada tahun yang lain dan ia tidak boleh menjadi orang yang berihram dengan haji yang lain daripada bulannya.

3.16 ADAB-ADAB MENGERJAKAN HAJI, AMALAN-AMALAN BATIN DAN RAHSIA-RAHSIA IBADAT HAJI

Ibadat haji mempunyai adab-adab yang murni. Orang yang inginkan kesempurnaan hajinya kerana Allah S.W.T. perlu menjaga adab-adab di bawah iaitu:-

3.16.1 Bekalannya hendaklah halal atau kurang *syubhahnya* dan tidak boleh membawa barang-barang perniagaan kerana ia boleh membimbangkan hati seseorang dan menyibukkan daripada mengadap Allah Ta'ala, berzikir kepadaNya dan membesarkan segala syi'arNya. Perniagaan boleh menjelaskan penumpuan hati sepenuhnya kepada Allah dan menganggu dari berzikir kepadaNya pada kebanyakan orang.

Perbuatan tersebut boleh menghalang mereka daripada mendapat fadilat haji, lebih-lebih lagi apabila seseorang itu memperniagakan diri sendiri dengan hajinya seperti dia mengambil upah haji. Perbuatannya itu adalah menuntut dunia dengan amal akhirat melainkan kerana dia bertujuan untuk tinggal di Makkah dan mengambil upah haji sebagai bekalannya, tujuannya itu tidak menjadi satu kesalahan. Begitu juga kalau bertujuan menziarahi Bayt Allah dan menolong saudara-saudaranya sesama Islam dengan menggugurkan fardu daripada mereka, tetapi sejekeloknya ia tidak mengambil upah tersebut.

- 3.16.2 Tidak boleh seseorang itu menolong musuh Allah dengan memberikan tebusan kerana dengan pertolongan itu mereka akan menahan jamaah haji dari pergi ke Masjid al-Harām. Memberi pertolongan kepada mereka bererti menolong mereka melakukan kezaliman. Justeru ia hendaklah berlemah lembut dengan tipu daya dan helah supaya dapat melepaskan diri dari kezaliman mereka. Jika tidak boleh terlepas daripada mereka, kebanyakan ulamak mengatakan tidak mengapa dia kembali ke tanah air dan tidak boleh diserahkan harta kepada mereka.
- 3.16.3 Membanyakkan bekalan, menolong orang yang kehabisan bekalan, memberi makan kepada orang-orang lapar, berbuat kebaikan dengan tulus ikhlas, suka melakukan kebaikan dan tidak bermewah-mewah dengan makanan, pakaian dan kenderaan untuk diri sendiri.
- 3.16.4 Meninggalkan perkataan yang sia-sia, tidak melakukan maksiat, tidak bertengkar, tidak memaki, tidak mengumpat, tidak mengadu domba, tidak berbantah-bantahan dan lain-lain lagi. Hendaklah selalu memberi nasihat kepada hamba-hamba Allah dan mengajar orang-orang jahil tentang ilmu yang berfaedah.
- 3.16.5 Mengerjakan haji dengan berjalan kaki jika berupaya, tidak mendatangkan kesusahan, kesakitan dan sakit hati. Jika tidak

berupaya atau membawa kepada susah hati atau keluh kesah, maka berkenderaan adalah lebih afdal.

- 3.16.6 Berpakaian lusuh, kusut rambut, badan berdebu, jangan banyak berhias dan cenderung kepada kemegahan serta seharusnya berkawan dengan orang-orang fakir dan miskin.
- 3.16.7 Menghampirkan diri kepada Allah dengan menyembelih binatang sebagai korban. Hendaklah memilih binatang yang paling baik, binatang yang dikasihi dan gemuk.
- 3.16.8 Hendaklah ikhlas semasa memberi sedekah dan hadiah serta tidak berduakacita kerana kerugian atau kehilangan pada diri dan pada harta. Jika perkara-perkara ini ada pada diri seseorang, ia merupakan tanda hajinya *maqbūl*. Di antara tanda-tanda haji *maqbūl* juga ialah meninggalkan perkara-perkara maksiat, menukar rakan yang tidak berakhhlak kepada rakan yang salih, meninggalkan tempat-tempat lalai dan mengunjungi tempat-tempat zikir dan jaga.
- 3.16.9 Sementara amalan-amalan yang batin pula ialah seseorang itu seharusnya memahami erti ibadat haji dan falsafahnya, dari awal pekerjaan hingga akhirnya serta mengambil pengajaran dan peringatan bagi diri sendiri dari pekerjaan haji itu dengan pekerjaan perjalananannya ke Akhirat. Bermula dengan terlintas di dalam hati

untuk mengerjakan haji, lalu rindu untuk mengerjakannya, bercita-cita untuk menunaikannya, membeli kain *iḥrām*, membeli dan menyediakan bekalan, menyewa kenderaan, kemudian berjalan keluar daripada negerinya masuk ke dalam padang, *beriḥrām* di miqāt berserta mengucapkan *talbīyyah*, seterusnya masuk ke Makkah serta menyempurnakan segala pekerjaan haji. Tiap-tiap satu daripada perkara-perkara yang disebutkan itu mengingatkan orang-orang yang mampu mengambil pengiktibaran dan memberi isyarat kepada orang yang cerdik. Hendaklah difahaminya dengan baik.

3.16.10 Seseorang itu tidak dapat sampai kepada Allah kecuali dengan menyucikan diri daripada sebarang keinginan hawa nafsu, mencegah diri daripada segala perkara yang lazat, bersunyi-sunyian atau berkhawat kepada Allah S.W.T. dengan bertapa di bukit-bukit supaya terasing dari makhluk-makhluk lain. Dengan itu dapatlah seseorang itu menghampirkan diri kepada TuhanYa.

3.16.11 Allah S.W.T. menjadikan *bayt Allāh* sebagai tempat tuju semua manusia dengan memuliakannya. Sebab itulah disandarkan *bayt* kepada diriNya hingga dikatakan *bayt Allāh*. Dia menjadikannya tempat tuju bagi hamba-hambaNya mengerjakan ibadat dan menjadikan kelilingnya sebagai halaman bagi RumahNya.

3.16.12 Menjadikan Padang 'Arafah sebagai tempat bertemu di halaman KolamNya dan menjaga kemuliaan tempat itu dengan mengharamkan perburuan dan memotong pokok. Dihantarkan jamaah haji memasuki Makkah laksana kedatangan raja-raja di atas kenderaan masing-masing. Orang-orang yang menziarahi Tanah Ḥarām datang dengan rela hati daripada jalan-jalan yang jauh, dalam keadaan kusut lagi berdebu kerana merendahkan diri kepada Empunya Rumah. Mengakui kehinaan diri ketika berhadapan dengan kebesaranNya. Mengakui dengan Maha Suci Allah Ta'ala Yang Menguasai segala tempat. Semua perkara yang disebutkan itu adalah untuk menyatakan kehambaan kepada Allah Ta'ala dan kerana itu ia disuruh mengerjakan beberapa amalan yang tidak disukai oleh hati dan nafsu serta tidak dapat dijangkau oleh akal seperti melontar batu di Jamrah dan berulang-alik antara Šafā dan Marwah. Ia menjunjung titahNya sebagai memberitahu kesempurnaan kehambaannya dan memecahkan hawa nafsunya dalam menuntut keredaan TuhanYa.

3.16.13 Sesorang itu merasa rindu untuk mengunjungi Makkah kerana dia mengetahui bahawa Ka'bah itu adalah *bayt Allāh*. Mereka dihantarkan ke sana laksana kedatangan raja-raja. Orang yang ikhlas mengunjunginya diterima oleh Allah sebagai tamuNya. Barang siapa yang menziarahi RumahNya di dunia ini diharapkan dapat menziarahiNya pada Hari Akhirat. Orang yang berada di sana membandingkannya dengan Syurga, negeri yang kekal abadi

kerana diperlihatkan *bayt Allāh* dengan mata kepalanya sendiri di dunia ini kerana mata kepala yang biasa adalah singkat lagi daif untuk memandang kepadaNya, tiada kuasa baginya dan akan dikuatkan hingga dapat memandangNya di Akhirat.

3.16.14 Bercita-cita untuk mengunjungi *bayt Allāh*. Maksudnya seseorang itu sanggup berpisah dengan kelurganya dan keluar dari negerinya serta berpindah dari segala keinginannya semata-mata untuk menumpukan perhatiannya untuk menziarahi *bayt Allāh* kerana memuliakannya dan kerana mengetahui bahawa dirinya sedang berada di dalam pekerjaan yang sangat tinggi darjatnya. Untuk tujuan tersebut, seseorang itu hendaklah membulatkan tujuannya hanya bagi Allah sahaja, tidak dicampurkan dengan *riyā'* dan mencari publisiti. Allah S.W.T. tidak menerima sebarang amalan kecuali amalan yang tulus ikhlas kepadaNya. Sejahat-jahat seseorang itu ialah orang yang pergi ke Rumah Raja dan HalamanNya tetapi bertujuan mencari perkara yang lain daripada Raja.

3.16.15 Mengatasi segala rintangan yang menegah pula bermaksud seseorang itu mengembalikan segala kezaliman yang dilakukan kepada tuannya dan bertaubat dari segala dosanya. Rintangan yang menghalang itu diibaratkan sebagai orang yang berhutang datang berhadapan dengan Tuhan, ia bergantung kepadaNya dan ia terpegun dengan kata-kataNya:

3.16.16 Dari sudut bekalan, hendaklah mencari bekalan yang halal dan dapat dijadikan bekalan untuk perjalanan yang jauh serta tidak ditakuti binasa di pertengahan jalan sebelum sampai ke tempat yang dituju. Hendaklah ia ingat bahawa perjalanan menuju ke Akhirat itu sangat jauh dan bekalnya ialah hanya takut kepada Allah Ta'ala serta sekelian barang-barang lain yang disangkanya bekal akan ditinggalkan. Apabila ia meninggal dunia, ia tidak mendapat apa-apapun. Demikian juga dengan bekalannya yang rosak dan binasa di pertengahan jalan, apabila ia tiba ke tempat yang dituju, ia tidak mendapat sesuatupun. Duduklah ia dalam keadaan menyesal dengan penuh penyesalan.

3.16.17 Apabila seseorang itu memperolehi kenderaan hendaklah ia bersyukur banyak-banyak kepada Allah Ta'ala dengan hatinya kerana dimudahkan oleh Allah *'Azza wa Jalla* untuk menanggung bekalnya dan dapat meringankan segala kesukaran. Hendaklah ia ingat kepada kenderaan yang akan dinaiki dalam perjalannanya menuju ke negeri akhirat iaitu keranda serta mengingati bekalan dan kenderaan yang patut dibuat persediaan, juga kenderaan bagi matinya kerana boleh jadi kenderaan akhirat lebih hampir dengannya daripada kenderaan dunia.

3.16.18 Membeli dua helai kain *iḥrām* itu sebenarnya mengingatkan kita kepada kain kapan ketika dikapangkan, menggambarkan memakai

pakaian *iḥrām* dan berselendang ketika hampir dengan *bayt Allāh* dan ketika hampir mengadap Allah, kita dibalut sedemikian rupa.

3.16.19 Apabila seseorang itu keluar daripada negerinya bererti ia berpisah daripada keluarga dan tempat kediamannya dengan tujuan untuk mengadap Allah ‘Azza wa Jalla melalui perjalanan yang tidak dapat dibandingkan dengan perjalanan dunia. Ia hendaklah pergi ke Makkah dalam keadaan hatinya terpahat dengan perkara yang ia kehendaki, ke mana ia mengadap dan menziarahi Tuhan yang ditujuinya. Sebenarnya dia mengadap Raja segala raja di dalam jamaah orang yang menziarahiNya. Apabila mereka itu menyeruNya lantas Dia menjawab. Jika mereka itu merinduiNya maka Dia lebih-lebih lagi rindukan mereka. Mereka telah mengatasi segala perkara yang menegah perjalanan mereka dan mereka mengadap *bayt Allāh* yang mulia dengan rasa penuh kehebatan di dalam hati apabila melihatnya. Mereka akan berjumpa dengan Tuhan Yang Empunya *bayt Allāh* di Akhirat nanti dan melihat Wajah Yang Maha Mulia di sana.

3.16.20 Semasa memasuki padang dan dusun sehingga sampai ke Miqāt dan melihat rangkaian bukit-bukau, ia hendaklah ingat kepada keluar daripada dunia atau mati menuju miqāt Hari Kiamat dan saat huru-hara dan tuntutannya antara kedua-duanya. Ingatlah kepada huru-hara yang memutuskan jalan iaitu soalan Munkar dan Nakir. Begitu juga dengan binatang buas yang ada di padang pasir

diibaratkan sebagai kala, ulat dan ular yang berada di dalam kubur, keseorangan, berpisah daripada keluarga dan kaum kerabatnya akan meninggalkan kubur.

3.16.21 *Iḥrām* dan *talbiyyah*nya di *Miqāt* bermaksud menjawab seruan Allah ‘Azza wa Jalla. Kamu mengharapkan *qabūl*nya dan takut kepada kata-kataNya: “*Tiada perkenan dan tiada kebahagiaan bagi kamu.*” Maka jadikanlah diri kamu antara takut dan mengharap, menjauhkan dari melakukan tipu-daya dan helah serta berpegang kepada kurniaan Allah Ta’ala dan kemurahanNya kerana waktu *talbiyyah* itu merupakan awal pekerjaan haji dan tempat kebinasaannya. Oleh sebab itulah Ḥasan bin ‘Alī r.a.h.m. ketika ber*ihram* haji dan menunggang kenderaan, tubuh beliau gementar lalu terjatuh dan tidak berdaya untuk mengucapkan *talbiyyah*. Orang ramai bertanya: “*Mengapa engkau tidak bertalbiyyah?*” Beliau menjawab: “*Aku merasa takut kalau dikatakan kepadaku: “Tiada perkenan dan tiada kebahagiaan bagi kamu.”*” Apabila mengucapkan *talbiyyah* beliau terus pengsan lalu terjatuh dari kenderaan. Begitulah berterusan keadaan beliau sehingga selesai mengerjakan haji.

3.16.22 Ketika memasuki Makkah hendaklah ia mengingati bahawa ia telah sampai ke Ḥarām Makkah dan keamanannya, mengharapkan supaya diselamatkan dari seksa Allah dan merasa takut kalau dirinya tidak layak untuk datang ke tempat suci itu, maka

kedatangannya ke Tanah Suci itu menjadi sia-sia, dia digolongkan sebagai orang jahat dan dimurkaNya. Oleh sebab itu hendaklah pada setiap detik kamu mengharapkan kemurahanNya yang sentiasa melimpah-ruah dan kemuliaan *bayt Allāh* itu amat besar serta perjalananmu tidak akan disia-siakan.

- 3.16.23 Ketika melihat *bayt Allāh* hendaklah kamu memuliakannya dengan sepenuh hati dan merasakan seolah-olah kamu sedang melihat Tuhan yang memiliki *bayt Allāh* dengan membesarNya. Mengharapkan supaya Allah Ta'ala memberi kurniaan kepadamu melihat wajahNya Yang Mulia seperti Dia memperlihatkan RumahNya di dunia ini. Bersyukur kepada Allah Ta'ala yang telah menyampaikan kamu ke martabat itu dan menggolongkan kamu ke dalam perhimpunan orang-orang yang datang berziarah. Seterusnya hendaklah kamu mengingati ketika di Padang Maḥsyar nanti, setengah orang diizinkan masuk ke Syurga dan setengah orang yang lain dihalang. Demikianlah keadaannya jamaah haji, haji mereka diterima dan ditolak.

- 3.16.24 *Tawāf* di *bayt Allāh* pula diikuti dengan sembahyang sunat. Sembahyang sunat *tawāf* hendaklah dikerjakan dengan penuh khusyuk sebagaimana sembahyang fardu, mengagungkan Allah Ta'ala, takut, mengharap dan kasih kepadaNya. Mengerjakan *tawāf* itu diserupakan dengan para Malaikat *Muqarrabin* yang mengelilingi 'Arasy. Jangan kamu menyangka bahawa kamu

mengerjakan *tawāfi* dengan tubuhmu di *bayt Allāh*. Maksud *tawāfi* ialah hati tetap berzikir mengingati Tuhan yang memiliki Rumah itu, sehingga kamu tidak memulakan zikir kecuali daripadanya dan kamu sudahipun di situ juga. Kamu mulai *tawāfi* daripada *bayt Allāh* dan kamu sudahi juga di *bayt Allāh*. *Tawāfi* itu ialah *tawāfi* hati dengan mengakui *RubūbiyyahNya*. *Bayt Allāh* pula merupakan simbol kekuasaan Allah di alam *Musyāhadah* ini dan Dia berada di alam *Ghāib* atau alam *Malakūt* Yang sentiasa melihat dengan *bašīrah* (mata hati).

3.16.25 *Istilām* Hajar Aswad menggambarkan bahawa kamu meletakkan sepenuh keyakinan kepada Allah dengan berjanji kepadaNya untuk mengerjakan ketaatan, maka meteraikan cita-citamu dalam menyempurnakan janjimu itu. Barang siapa yang memungkiri janji akan diseksa dan dimurkai, manakala orang yang menyempurnakan janji akan mendapat pujian, berdamping kepadaNya dan dikurniakan pahala.

3.16.26 Bergantung pada tirai *bayt Allāh* bermaksud menghampiri diri kepada Allah, kasih kepadaNya, rindu kepada *bayt Allāh*, rindu kepada Tuhan EmpunyaNya, kerana mengambil berkat bersentuh dengannya, mengharapkan supaya tiap-tiap bahagian badan yang bersentuh dengannya terpelihara dari api neraka, berniat dengan bersungguh-sungguh dalam menuntut keampunan dan memohon kemaafan serta keamanan seperti orang yang berdosa bergantung

kepada kain orang yang dilakukan dosa serta merendahkan diri dalam mengharapkan keampunannya.

3.16.27 Menggerjakan *sa'i* dengan berulang-alik di antara Ṣafā dan Marwah di hadapan halaman *bayt Allāh* adalah seperti hamba yang berulang-alik di halaman raja, datang dan pergi, melahirkan keikhlasan dalam memberikan perkhidmatan, mengharapkan supaya Allah memandangnya dengan rahmatNya seperti seseorang yang masuk ke istana raja dan keluar tanpa mengetahui apa yang dihukumkan oleh raja, diterima atau ditolak, atau seperti ada kebijakan di atas puncak Ṣafā dan keburukan di atas puncak Marwah, berulang-alik untuk melihatnya dan mengharapkan keampunan serta memohon agar dijauhkan dari terkena seksa.

3.16.28 *Wuqūf* di ‘Arafah dalam keadaan bersesak-sesak, meninggikan suara, bermacam-macam bahasa dan tiap-tiap kumpulan mengikut ketua masing-masing pergi ke tempat ibadat menggambarkan perhimpunan agung yang dihadiri oleh semua manusia di Padang Mahsyar. Segala umat berhimpun bersama Nabi dan ketua mereka untuk mendapatkan syafa’at daripada mereka. Masing-masing tercengang di padang itu, tertanya-tanya adakah dia terdiri daripada orang yang ditolak atau orang yang diterima. Apabila perasaan itu timbul di dalam hatimu, terbentuklah sifat kehinaan dan merendahkan diri kepada Allah Ta’ala, maka kamu akan

dihimpunkan ke dalam perhimpunan orang-orang yang mendapat kemenangan dan sebenarnya harapanmu itu akan tercapai.

3.16.29 Melontar di Jamrah al-'Aqabah pula menggambarkan kamu mematuhi dan menjunjung suruhan Allah, menyatakan kehambaan dan semata-mata kerana menjunjung titahNya. Akal manusia tidak mampu untuk berbicara atau menghuraikan dengan lebih lanjut tentang perbuatan melontar itu. Hendaklah kamu bayangkan bahawa perbuatan melontar itu adalah menyerupai perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Ibrāhīm a.s., iblis la'nat Allāh telah menghalang Baginda di tempat penyembelihan untuk memasukkan *syubhah* ke dalam hati Baginda dan memfitnahkan Baginda dengan maksiat. Lantas Allah S.W.T. menyuruh Baginda melontarkannya dengan batu untuk menghalauinya dan menghapuskan cita-citanya itu.

3.16.30 Allah menggerakkan hati kamu supaya dapat membayangkan betapa Nabi Ibrāhīm a.s. telah dihalang oleh syaitan dan Baginda dapat melihatnya. Allah Ta'ala memerintahkan baginda supaya melontarkannya dengan batu. Hendaklah kamu mengetahui bahawa syaitanlah yang melemahkan hatimu supaya kamu tidak melakukan jihad pada jalan Allah. Oleh itu kamu hendaklah bersungguh-sungguh menolak syaitan dengan melontarkannya dengan batu supaya terhina dan rendah hidung syaitan. Ketahuilah bahawa melontar di Jamrah al-'Aqabah itu adalah pada zahir

sahaja, pada hakikatnya kamu melontar ke muka syaitan dan belakangnya kerana hidung syaitan tidak akan merasa terhina melainkan kamu mengerjakan suruhan Allah Ta'ala.

3.16.31 Menyembelih binatang korban pula memperlihatkan bahawa kamu berusaha untuk berdamping kepada Allah dengan menjunjung titahNya. Perbuatan ini boleh mengikis perasaan bakhil dalam diri kamu dan dituntut supaya memilih binatang yang tinggi harganya kerana membesarlu harapan agar dimerdekkakan keturunanmu dari api neraka.

3.17 ADAB-ADAB ZIARAH, ADAB-ADAB KEMBALI KE TANAH AIR DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN

3.17.1 Apabila seseorang itu selesai mengerjakan haji dan ‘umrah, adalah sunat *muakkadah* dia pergi menziarahi Madīnat al-Rasūl. Ziarah itu tidak tertentu ke atas orang yang mengerjakan haji tetapi terlebih *muakkad* ke atas mereka. Ziarah adalah ibadat yang paling afdal dan merupakan suatu perniagaan hamba dengan Tuhan yang sangat menguntungkan. Setiap dirham yang dibelanjakan itu menyamai nafkah pada jalan Allah.

3.17.2 Sunat kepada seseorang itu berniat ketika menziarahi Masjid Nabi S.A.W. dan menunaikan sembahyang di sana. Sunat

membanyakkan berselawat ke atas Nabi S.A.W., memelihara segala fardu-fardu yang diwajibkan dan memelihara segala suruhan Allah tanpa cuai sedikitpun. Kalau diabaikan akan berlaku kerugian yang amat besar. Hendaklah membanyakkan doa agar Allah S.W.T. mengurniakan faedah yang banyak, hasil daripada ziarah itu.

- 3.17.3 Sunat turun daripada kenderaan apabila kelihatan Kota Madinah hingga masuk ke dalam Masjid. Sunat seseorang itu mandi terlebih dahulu di Bi'r Aris al-Hurrah sebelum memasuki Masjid, memakai pakaian yang bersih, memakai bau-bauan dan hendaklah menanamkan kemuliaan Madinah ke dalam hati dengan bersungguh-sungguh. Mengikut kata Imām Ma'lik Rahimahullāh, Madinah merupakan tempat yang paling mulia dari tempat-tempat lain di dunia ini. Hendaklah banyak memberi sedekah terutamanya kepada penduduk Madinah.
- 3.17.4 Hendaklah memuliakan Nabi S.A.W. dan menyematkan di dalam hati perasaan hebat terhadap Baginda daripada awal memasuki Madinah sehingga pulang seperti dapat melihat Baginda dengan mata kepala sendiri dan juga menghormati jiran Baginda.
- 3.17.5 Memasuki Masjid melalui Bāb al-Salām sambil membaca doa. Mendirikan sembahyang dua rak'at dan hendaklah memilih tempat Nabi S.A.W. sembahyang iaitu di sisi mimbar dengan menjadikan

tiang mimbar berbetulan dengan bahu kanan dan kawasan yang di hadapan Masjid berbetulan dengan muka. Kawasan ini dinamakan Rawdah. Kemudian mengucapkan syukur kepada Allah Ta'ala banyak-banyak di atas pemberian nikmat yang amat besar itu dan memohon kepadaNya agar diperkenankan segala hajat.

- 3.17.6 Selepas itu pergi menziarahi kubur Nabi S.A.W. dengan mengadap kepada Nabi S.A.W., membelakangkan kiblat dengan jarak kira-kira empat hasta dan duduk berbetulan dengan paku perak yang dipaku pada batu putih. Di sanalah tempat yang berbetulan dengan muka Baginda Nabi S.A.W. Pandang ke bawah daripada pagar kubur sambil memejamkan kedua-dua mata. Berdiri tegap dan menghormati Baginda S.A.W. serta menghilangkan ingatan dari sebarang pekerjaan dunia dengan merasakan Baginda S.A.W. itu hidup dan sedang berdiri di hadapan. Lantas dengan pertengahan suara memberi salam kepada Baginda S.A.W.
- 3.17.7 Jika ada orang berkirim salam kepada Nabi S.A.W. hendaklah disampaikan. Kemudian pergi ke kanan sekadar satu hasta dan memberi salam kepada Sayyidinā Abu Bakar. Seterusnya bergerak lagi ke kanan sekadar satu hasta juga dan memberi salam kepada Sayyidinā ‘Umar. Kepala Sayyidinā Abu Bakar berbetulan dengan bahu Nabi dan kepala Sayyidinā ‘Umar pula berbetulan dengan bahu Sayyidinā Abu Bakar. Seterusnya kembali ke hadapan Nabi S.A.W. sambil mengadap ke arah kiblat lalu mengucap *tahmid* dan

membanyakkan selawat ke atas Baginda. Seterusnya pergi ke Rawdah dan mengerjakan sembahyang dua rak'at serta membanyakkan doa untuk diri sendiri dan orang-orang yang dikasihi.

- 3.17.8 Tidak harus *fawāf* di kubur Nabi S.A.W., melekapkan perut pada jendelanya, membelakangkan jendela itu, menyapu dengan tangan dan mengucupnya, tetapi sunat menjauhkan diri daripadanya sebagaimana berada di hadapan Baginda S.A.W. semasa hidup dan jangan terpedaya dengan perbuatan yang dilakukan oleh orang yang jahil dan orang awam. Sunat menziarahi kubur Siti Fātimah. Setengah ulamak mengatakan kubur beliau di belakang Nabi S.A.W. dan setengah ulamak lagi mengatakan di Baqī'. Maka sunat pergi menziarahi kedua-dua tempat tersebut.
- 3.17.9 Hendaklah seseorang itu memelihara sembahyang berjamaah di Masjid Nabi S.A.W. semasa dia bermukim di sana kerana fadilat mengiringi Masjid al-Harām. Sunat berniat iktikaf di dalam Masjid. Sunat juga pergi ke Baqī' terutama sekali pada Hari Juma'at selepas menziarahi Nabi S.A.W.
- 3.17.10 Sunat juga pergi menziarahi Bukit Uhud. Di sanalah tempatnya kubur Sayyidinā Ḥamzah dan beberapa orang Syuhadā', iaitu pada awal pagi hari Khamis. Hendaklah sembahyang dua rak'at di

Masjid Nabi S.A.W. selepas kembali ke Madinah dan menunaikan Sembahyang Zohor di situ.

3.17.11 Sunat pergi ke Masjid Qubā' pada pagi-pagi hari Sabtu dan mengerjakan sembahyang di sana kerana sembahyang dua rak'at di masjid itu menyamai sekali 'umrah. Di sana terdapat beberapa buah masjid, setengahnya masjid kecil yang berhubung dengan masjid itu. Dikatakan bahawa Nabi S.A.W. menunaikan Sembahyang Zohor dan 'Asar di masjid itu pada hari Ahad, setelah selesai berperang. Pada pihak kiblatnya terdapat tempat yang dikorek batunya iaitu kubur bagi satu kepala manusia. Dikatakan bahawa Nabi S.A.W. duduk di atas batu yang terhampar di sana.

3.17.12 Sunat juga pergi menziarahi Masjid Qiblatayn dan Telaga Tujuh atau Bi'r Aris iaitu terletak berhampiran dengan Masjid Qubā'. Hendaklah meminum airnya kerana Nabi S.A.W. mengambil air sembahyang, mandi dan meminum airnya. Berbuat demikian adalah bertujuan untuk mengambil berkat dan untuk meminta disembuhkan segala penyakit. Tempatnya sangat terkenal di kalangan penduduk Madinah.

3.17.13 Semasa berada di Madinah disunatkan memberi sedekah setakat yang terdaya kerana berbuat kebajikan kepada jiran Nabi S.A.W. sangatlah dituntut, membanyakkan berpuasa, mengerjakan kebajikan dan menamatkan membaca al-Qur'an. Bermukim di

Madinah seperti bermukim di Makkah. Haram memindahkan Tanah Ḥarām Madinah. Sunat menziarahi kubur Nabi S.A.W. pada tiap-tiap kali masuk ke Masjid dan tiap-tiap keluar daripadanya jika tidak ditakuti membawa gangguan kepada adab-adab di dalam Masjid.

3.17.14 Apabila hendak kembali ke negerinya, seseorang itu disunatkan mengerjakan sembahyang dua rak'at di Rawḍah. Kemudian pergi ke kubur Nabi S.A.W. dan memberi salam kepada Baginda. Seterusnya meminta doa banyak-banyak bagi diri sendiri dan bagi orang-orang yang dikasihi. Seterusnya berpaling ke belakang dan berjalan ke hadapan serta jangan berjalan mengundur ke belakang dan membaca doa.

3.17.15 Apabila kembali ke negerinya atau ke mana-mana sahaja tempat yang dituju sama ada dia orang haji atau orang ziarah disunatkan dia bertakbir sebanyak tiga kali. Membaca doa ketika hampir dan ketika sampai ke negerinya.

3.17.16 Untuk mendapatkan keberkatan, sunat dia membawa pulang bersamanya buah tangan mengikut sesuka hatinya dan setakat yang termampu walau batu sekalipun untuk diberikan kepada keluarganya apabila sampai dan bertemu dengan mereka, jangan pulang dengan tangan kosong. Apabila memasuki kampungnya sunat terlebih dahulu dia pergi ke masjid untuk mengerjakan

sembahyang dua rak'at sunat *qudūm*. Seterusnya sunat dia meminta doa dan bersyukur kepada Allah Ta'ala di atas beberapa nikmat kerana dia telah sampai ke negerinya dengan selamat dan sejahtera serta dapat berjumpa semula dengan kaum keluarganya.

3.17.17 Disunatkan kepada orang haji supaya meminta ampun bagi orang yang memberi salam kepadanya serta orang-orang yang dikehendakinya. Apabila sampai ke rumah sunat membaca doa.

3.17.18 Apabila seseorang itu telah menetap di kediamannya hendaklah dia mengingati segala nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah kepadanya daripada haji dan ziarah. Hendaklah sentiasa mengerjakan perkara-perkara yang disuruh dan menjauhkan dari perkara-perkara yang ditegah. Jangan sekali-kali melakukan kufur nikmat seperti kembali kepada kelalaian, bermain-main dan suka kepada maksiat. Perkara-perkara ini bukan menandakan haji yang diterima. Tanda haji yang *maqbūl* ialah benci kepada dunia dan gemar kepada akhirat serta bersedia untuk menatap Tuhan Empunya *bayt Allāh* seterusnya melihat *bayt Allāh* dalam kesempatan yang lain.

3.17.19 Setengah ulamak mengatakan bahawa di antara alamat haji yang *maqbūl* ialah selepas kembali dari mengerjakan haji seseorang itu berperangai baik, bertambah melakukan kebajikan jika

dibandingkan dengan sebelum haji dan berkekalan melakukan kebajikan bahkan makin bertambah.